

PASUKAN POLO NBD RAIH PINGAT PERAK

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANGKOK, THAILAND,
Rabu, 10 Disember. -
Kemeriahan temasya
Sukan Asia Tenggara
(Sukan SEA) Ke-33 telah
dirasai dengan **THAILAND 2025**
perlawanan akhir Polo, salah satu sukan
yang sememangnya dinanti-nantikan oleh
para peminat sukan tersebut di rantau Asia
Tenggara terutama sekali di Negara Brunei
Darussalam (NBD).

Perlawanan akhir (low goal) antara
Pasukan NBD dan Pasukan Thailand telah
berlangsung pada hari ini di VS Sports
Club & Siam Polo Park, Samut Prakan,
Selatan Bangkok.

>> Muka 3

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka
Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum
Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul
Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam berkenan
berangkat bagi menyaksikan perlawanan
akhir Polo Sukan Asia Tenggara Ke-33.
- Foto : Mohammad Hasif Matzin.



Memperkuhkan pembangunan profesional guru, memperkaya ekosistem pendidikan ASEAN

Siaran Akhbar :
Kolej Universiti Perguruan
Ugama Seri Begawan

BANDUNG, Rabu, 10 Disember. -
Mesyuarat Ketua-ketua The Association
of Southeast Asian Teacher Education
Network (AsTEN) Ke-20 telah diadakan
baru-baru ini pada 7 hingga 10 Disember
2025, di Bandung, Republik Indonesia.
Mesyuarat dikendalikan oleh
Universiti Pendidikan Indonesia,
Bandung.

Mewakili Kolej Universiti Perguruan
Ugama Seri Begawan (KUPU SB) ke
mesyuarat dan persidangan berkenaan,
Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr.
Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani, selaku
Timbalan Pengerusi AsTEN.

Turut hadir, Pengarah Pusat Latihan
dan Peningkatan Kompetensi KUPU
SB, Dr. Kharhan bin Haji Jait, selaku
Pegawai Perhubungan KUPU
SB-AsTEN; dan Ketua Unit Pengurusan
Strategik dan Jaminan Kualiti KUPU SB,
Awang Haji Mohammad Khairul Azhar
bin Idris.

>> Muka 8

Majlis Makan Malam Hengyi Industries hargai sumbangan tenaga kerja

Siaran Akhbar : Hengyi Industries Sendirian Berhad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10
Disember. - Hengyi Industries Sdn. Bhd.
menganjurkan Majlis Makan Malam
Penghargaan Tahunan bagi meraikan para
pekerja, pihak berkepentingan dan tetamu
syarikat berkenaan, di Setia Point, di sini,
kelmarin.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri di
Jabatan Perdana Menteri dan Menteri
Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat
Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin
Liew bin Abdullah.

Majlis dimulakan dengan ucapan
pembukaan oleh tetamu kehormat, disusuli

dengan ucapan Pengerusi Zhejiang Hengyi
Group Co. Ltd. dan Hengyi Industries Sdn.
Bhd., Qiu Jianlin; serta Ketua Pegawai
Eksekutif Hengyi Industries Sdn. Bhd., Chen
Lian Cai.

Dalam ucapan-ucapan tersebut, mereka
antara lain merakamkan penghargaan
terhadap tenaga kerja syarikat berkenaan,
mengimbas kembali pencapaian utama
syarikat serta meneguhkan lagi aspirasi
Hengyi Industries bagi perkembangan
berterusan dan kecemerlangan industri.

>> Muka 5

Mencapai kejayaan pelan strategik melalui tindakan bersama

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

JERUDONG, Khamis, 11 Disember. -
Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi,
Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia
Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji
Mustapha menekankan bahawa Navigating
2030 merupakan langkah penting dalam
mengukuhkan kedudukan sektor maritim
dan pelabuhan Negara Brunei Darussalam
(NBD) sebagai tonggak utama daya
saing negara dan ketahanan ekonomi.

Dengan menekankan warisan maritim
negara, Yang Berhormat Menteri
Pengangkutan dan Infokomunikasi
menegaskan bahawa sektor ini kini mesti
berkembang melangkaui peranan

tradisional sebagai penyokong untuk
menjadi pemacu dinamik perdagangan,
pelaburan, inovasi dan pertumbuhan
mampun.

Yang Berhormat turut menyatakan
bahawa Navigating 2030 sejajar
sepenuhnya dengan Wawasan Brunei 2035,
Pelan Biru Ekonomi Brunei Darussalam,
Rancangan Kemajuan Negara Ke-12
(RKN12) dan Pelan Strategik Kementerian
Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC)
2030, serta berpandukan prinsip Maqasid
Syariah sebagai asas etika bagi
pembangunan maritim yang selamat,
makmur dan lestari.

>> Muka 6



Berita Utama



PENINGKORPORATAN JPP strategi
jangka panjang memperkukuh
sektor pos **Muka 7**



MEMBENTUK remaja miliki
akhlak mulia, keyakinan diri **Muka 8**



MERINTIS budaya penulisan,
penyelidikan peringkat kebangsaan **Muka 18**



BERSAMA belia membanteras
rasuah **Muka 19**

BERANGKAT MENINGGALKAN BANGKOK, THAILAND



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat balik dari Bangkok, Thailand (atas kiri dan atas).

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Azmah Haji Ahad

BANGKOK, THAILAND, Rabu, 10 Disember. - Kebawah Duli Yang

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah sebelum berangkat balik meninggalkan Bangkok, Thailand.

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat meninggalkan Bangkok, Thailand setelah selesai menyaksikan Perlawanan Akhir Polo Temasya Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-33, antara Pasukan Polo

Negara Brunei Darussalam (NBD) dan pasukan Thailand yang berlangsung di VS Sports Club & Siam Polo Park, Samut Prakan, Selatan Bangkok.

Berangkat di Lapangan Terbang Antarabangsa Suvarnabhumi bagi menyebarkan selamat berangkat Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah anakanda baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah.

Sebelum berangkat balik, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned.

Hadir bagi menyebarkan selamat berangkat ialah ahli Privy Councillor; dan Minister Counsellor at Reception Division of Protocol Department, Ministry of Foreign Affairs, Ms. Pimduan Nagaviroj.

Turut hadir, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Thailand, Tuan Yang Terutama Pengiran Haji Sahari bin Pengiran Haji Salleh.

WAKTU SEMBAHYANG										
DISEMBER	HARI	JAMADILAKHIR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
13	SABTU	22	4.46	4.56	6.19	6.43	12.15	3.37	6.10	7.24
14	AHAD	23	4.46	4.56	6.20	6.44	12.16	3.38	6.10	7.25
15	ISNIN	24	4.47	4.57	6.20	6.44	12.16	3.38	6.10	7.25
16	SELASA	25	4.47	4.57	6.21	6.45	12.17	3.39	6.11	7.26
17	RABU	26	4.47	4.57	6.21	6.45	12.17	3.39	6.11	7.26
18	KHAMIS	27	4.48	4.58	6.22	6.46	12.18	3.40	6.12	7.27
19	JUMAAT	28	4.48	4.58	6.22	6.46	12.18	3.40	6.12	7.27

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
SABTU	AHAD	ISNIN	
Bandar Seri Begawan			
31 24 °C	31 24 °C	32 24 °C	
Pekan Bangar			
30 24 °C	31 24 °C	31 24 °C	
Pekan Tutong			
31 24 °C	30 24 °C	31 24 °C	
Kuala Belait			
30 24 °C	30 24 °C	30 24 °C	

Wallahuallam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 13 DISEMBER 2025

Pelancongan dalam negeri memelihara warisan budaya, alam sekitar

DALAM era globalisasi ini, di tambah lagi dengan pembangunan teknologi, ramai yang teruja untuk meneroka destinasi antarabangsa. Apatah lagi apabila ramai yang mengongsikan pengalaman menarik mengembara dan melancong ke luar negara di media sosial. Namun, di sebalik tarikan luar negara, pelancongan *domestic* atau dalam negeri tidak kurang menariknya dan memainkan peranan penting yang ramai mungkin tidak menyedari.

Pelancongan dalam negeri adalah teras kepada ketahanan dan kemakmuran negara. Dengan mengutamakan perjalanan tempatan, kita bukan sekadar bercuti, tetapi melabur secara langsung dalam rantai ekonomi dalam negeri. Dari segi ekonomi, setiap dolar yang dibelanjakan mengalir terus kepada peniaga tempatan, dari pengusaha *homestay*, penjual makanan tradisional atau tempatan dan pesta-pesta tempatan yang mempromosikan jualan tempatan. Aktiviti seperti ini merangsang pekerjaan dan menyokong komuniti di kawasan yang mungkin kurang mendapat tarikan. Kebergantungan kepada pelancongan *domestic* bukan sahaja membantu ekonomi, ia juga dapat menyelamatkan industri pelancongan daripada kejatuhan teruk.

Di samping itu, pelancongan dalam negeri memainkan peranan penting dalam memelihara warisan budaya dan alam sekitar. Apabila rakyat sendiri menghargai dan melawat tapak bersejarah, kawasan seni, atau destinasi semula jadi, ia mengukuhkan rasa cinta dan tanggungjawab untuk memelihara khazanah negara. Kesedaran ini juga menggalakkan pembangunan pelancongan yang lebih mampan dan mesra alam. Pelancongan *domestic* juga membantu meratakan pembangunan ekonomi dengan membawa kemasukan pelancong ke kawasan luar bandar dan destinasi yang kurang dikenali. Ini bukan sahaja mengurangkan tekanan ke atas lokasi popular yang sesak, tetapi juga menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang lebih seimbang di seluruh negara.

Di peringkat sosial, pengalaman melancong ke pelbagai tempat dalam negeri dapat mengukuhkan perpaduan nasional dan persefahaman di kalangan orang-orang berlainan bangsa dan agama. Ia membolehkan rakyat menghayati kepelbagaian budaya, seterusnya memupuk sifat toleransi dan keharmonian bersama. Permintaan yang tinggi daripada pelancong tempatan juga memberi justifikasi untuk menaik taraf infrastruktur seperti pengangkutan, kemudahan awam, dan perkhidmatan digital di kawasan pelancongan. Pembangunan ini bukan sahaja memberi manfaat kepada pelancong, tetapi juga meningkatkan kualiti hidup penduduk setempat.

Kesimpulannya, menyokong pelancongan dalam negeri adalah satu tindakan patriotik yang memberi manfaat menyeluruh. Ia melindungi ekonomi, memelihara warisan, memupuk perpaduan, dan membina ketahanan negara. Oleh itu, marilah kita bersama-sama menjadikan melancong dalam negara sebagai pilihan utama, kerana setiap lawatan kita menyumbang secara langsung kepada kemakmuran dan kebanggaan tanah air tercinta. - **Ketua Penyuntingan (Nr)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunel@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunel.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Pasukan Polo NBD raih pingat perak



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan perlawanan akhir (*low goal*) antara Pasukan Polo Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Pasukan Polo Thailand di VS Sports Club & Siam Polo Park, Samut Prakan, Selatan Bangkok. Turut berangkat ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, SEA Games Federation Honorary Life President dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan NBD dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah (kiri). Manakala gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menadah tangan berdoa sebelum berangkat menyaksikan perlawanan akhir polo.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Azmah Haji Ahad

>> Muka 1

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar

'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam turut menyerikan perlawanan akhir tersebut yang mana keberangkatan baginda memberikan sokongan sangat mendalam, seterusnya menjadi penyuntik semangat kepada Pasukan Polo NBD.

Pasukan polo negara disertai oleh paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah, yang mana pasukan negara telah berjaya menewaskan Pasukan



THAILAND 2025

Polo Kebangsaan Malaysia pada peringkat separuh akhir dengan keputusan 9 - 6 pada hari Isnin lepas, perlawanan kali ini untuk merebut pingat emas menentang tuan rumah, Pasukan Polo Kebangsaan Thailand.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di VS Sports Club & Siam Polo Park dijunjung oleh Director of the Governor's Office and Spokesperson for the Sports Authority of Thailand (SAT), Ms. Samonjarod Mingkumlerd; dan Presiden Persatuan Polo Thailand, Dr. Pairoj Boonkongchuen.

>> Muka 4

SEKITAR perlawanan antara Pasukan Polo NBD dan Pasukan Polo Thailand (kiri, bawah kiri dan bawah kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra bersama paduka-paduka anakanda baginda (atas).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar ramai bersama Pasukan Polo NBD, Thailand dan Malaysia semasa perlawanan akhir Polo.

>> Muka 3

Dalam perlawanan tersebut, Pasukan Polo NBD telah berjaya

meraih pingat perak setelah bersaing dengan sengit melawan Pasukan Polo Kebangsaan

Thailand dengan keputusan mata 0 - 7.5.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan pingat-pingat kejohanan kepada para pemenang perlawanan akhir polo (*low goal*). Pingat emas disandang oleh pasukan Tuan Rumah, Thailand, NBD

merangkul pingat perak dan pingat gangsa diraih oleh pasukan Malaysia.

Pasukan negara akan meneruskan perlawanan acara polo bagi *high goal* pada 13 Disember 2025 nanti bertempat di VS Sports Club & Siam Polo Park.

Turut berangkat menyaksikan perlawanan tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, SEA Games Federation Honorary Life President dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, selaku Pengurus Pasukan Polo NBD; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah.



KEBAWAH DYMM berkenan menyempurnakan pengurniaan pingat (atas sekali, atas dan atas kanan).

Pasukan Polo NBD disertai oleh paduka-paduka anakanda Kebawah DYMM, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah berkenan bergambar ramai (bawah).



MAJLIS MAKAN MALAM HENGYI INDUSTRIES HARGAI SUMBANGAN TENAGA KERJA



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II selaku tetamu kehormat majlis ketika menyampaikan ucapan pembukaan.

>> Muka 1

Bertemakan 'Hollywood Nights: The Hengyi Edition', majlis makan malam pada tahun ini meraikan enam tahun kejayaan operasi Hengyi Industries serta kekuatan dan dedikasi tenaga kerjanya.

Majlis diteruskan dengan penyampaian beberapa anugerah bagi mengiktiraf para pekerja atas

komitmen, pencapaian cemerlang dan sumbangan jangka panjang mereka.

Anugerah tersebut termasuk Anugerah Perkhidmatan 10 Tahun yang diserahkan kepada enam penerima; Anugerah Pekerja Terbaik 2025 disampaikan kepada 10 penerima; dan Anugerah Kumpulan Terbaik diberikan kepada lima pasukan.

Juga menerima anugerah, para pemenang Pertandingan Kemahiran 2025 dan Unit Penghasilan Keselamatan Cemerlang.

Majlis turut diserikan dengan persembahan yang mempamerkan bakat para kakitangan Hengyi Industries, juga pelbagai aktiviti menarik termasuk cabutan bertuah, serta anugerah Pakaian Terbaik dan Persembahan Terbaik.

Majlis makan malam penghargaan berkenaan diadakan setiap tahun sejak 2023 bagi menghargai kakitangan Hengyi Industries, selain mengiktiraf kerja keras, dedikasi, dan komitmen

PENYAMPAIAN anugerah-anugerah telah disempurnakan di majlis tersebut, pengiktirafan buat para pekerja atas komitmen, pencapaian cemerlang dan sumbangan jangka panjang mereka.

bersama mereka terhadap kemajuan syarikat.

Sumbangan mereka terus mendorong Hengyi Industries bagi meraih visi syarikat untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang pembangunan petrokimia melalui inovasi berterusan dan kelestarian perniagaan jangka panjang.

ANTARA persembahan yang memeriahkan majlis berkenaan.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Hengyi Industries Sendirian Berhad



NBD raih pengiktirafan antarabangsa pada APICTA 2025

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Disember. - Negara Brunei Darussalam (NBD) telah meraih pengiktirafan antarabangsa apabila memenangi satu Anugerah Pemenang dan dua Anugerah Merit pada 24th Asia Pacific ICT Alliance (APICTA) Awards 2025 baru-baru ini.

Pertandingan berprestij berkenaan telah bermula dari 4 hingga 8 Disember 2025 sekali gus menyaksikan pasukan negara bersaing dengan 206 pasukan daripada 12 ekonomi anggota.

Sebanyak enam pasukan telah mewakili NBD, dan kesemuanya pemenang dalam pertandingan BICTA 2025 baru-baru ini bersaing dalam tujuh kategori dengan menonjolkan keupayaan negara dalam inovasi teknologi yang semakin meningkat.

Hadir menyambut ketibaan rombongan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) hari ini, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat

Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Juga hadir, Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim; Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan), MTIC, Awang Haji Mohammad Salihin bin Haji Aspar; Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI), Awang Haji Jailani bin Haji Buntar; Pemangku Pengarah Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan (MOE), Dr. Eddy Fazlin bin Haji Amdan; pegawai kanan dari MTIC, MOE, dan AITI, serta ahli Persekutuan InfoCom Brunei (IFB).

Produk dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, iaitu DualFarm AI, merupakan penyelesaian pertanian pintar yang mengetengahkan penanaman tanaman dan penjanaan elektrik

bersih secara serentak melalui bateri yang dipasang di setiap batas tanaman.

Sementara Bright Buddies 49 yang dihasilkan oleh Sekolah Rendah Lambak Kanan Jalan 49, C3, adalah permainan kuiz pendidikan yang direka dengan teliti untuk menyokong keperluan pembelajaran dan perkembangan kanak-kanak autisme.

Tujuannya adalah untuk meningkatkan penglibatan, literasi, kemahiran kognitif, dan pemahaman melalui permainan interaktif dalam persekitaran yang selamat, menyenangkan, dan inklusif.

Manakala, PyschoBoard dari Universiti Teknologi Brunei menawarkan pengajar kompak semua dalam satu yang mengintegrasikan komponen penting seperti ESP32, Arduino Nano, Arduino Uno R3, Raspberry Pi Pico, bersama dengan sensor seperti MPU6050, DHT11, sensor ultrasonik, LDR, LoRa E32, ESP-01, dan komponen antara muka seperti Liquid-Crystal Display (LCD), buzzer, light emitting diode (LED), dan butang tekan dalam satu PCB khas yang diubah suai.

Pelajar menyambungkan papan berkenaan berdasarkan modul berstruktur, menggalakkan pembelajaran aktif dan praktikal yang sesuai untuk sekolah menengah, kolej vokasional, universiti, dan sesuai untuk persekitaran prototaip.

Delegasi NBD, yang diketuai oleh Pengerusi IFB, Pengiran Sarimah binti Pengiran Haji Abdul Latiff; dan Ahli Jawatankuasa Eksekutif (ExCo) APICTA NBD, bersama-sama dengan hakim penasihat APICTA, hakim, ahli



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir menyambut ketibaan rombongan pasukan negara yang telah memenangi beberapa anugerah di 24th Asia Pacific ICT Alliance (APICTA) Awards 2025 (atas dan atas kiri).

ExCo dan enam pasukan yang menyertai pertandingan, pulang dengan disambut mesra di LTAB.

Delegasi berkenaan disambut dengan bacaan Doa Kesyukuran yang dipimpin oleh Imam Surau LTAB, Awang Haji Mohammad Ashraf bin Haji Bujang.

Sepanjang tempoh pertandingan, para peserta APICTA turut menyertai sesi penilaian intensif yang dinilai oleh panel pakar ICT antarabangsa, ahli akademik, dan wakil kerajaan. Selain daripada pertandingan, peserta NBD dalam Kategori Industri, iaitu SPI Sdn. Bhd. dengan produk 'Direct-to-Satellite IOT Platform' dan 'WilkGames' dengan 'Tikus Tales', berpeluang untuk mempamerkan produk mereka dan berhubung semasa TechBridge Expo & Matchmaking Day yang diadakan pada 6 Disember 2025.

Penyertaan konsisten NBD dalam APICTA sejak 2008 menekankan satu inisiatif negara yang penting untuk membangunkan sektor ICT dengan menggalakkan individu, pelajar, dan perniagaan untuk bersaing dan mengesahkan inovasi mereka di platform global.

Dengan adanya anugerah antarabangsa berkenaan diharap akan memperkukuh reputasi penerima dan meningkatkan produktiviti mereka, sekali gus memberi sumbangan yang signifikan kepada masa depan digital negara.

Untuk maklumat lanjut mengenai BICTA dan APICTA, sila layari laman sesawang BICTA di www.bicta.gov.bn dan Instagram rasmi [@bicta.bn](https://www.instagram.com/bicta.bn) atau laman sesawang APICTA di www.apicta.org.

MENCAPAI KEJAYAAN PELAN STRATEGIK MELALUI TINDAKAN BERSAMA

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



>> Muka 1

"Sebanyak empat komitmen utama di bawah Navigating 2030 ialah memperkukuh keselamatan, sekuriti dan pengurusan alam sekitar selaras dengan piawaian antarabangsa, memacu pemelbagaian ekonomi melalui peluasan perkhidmatan maritim dan aktiviti pelabuhan yang dipelbagaikan, melabur dalam pembangunan bakat maritim Brunei Darussalam melalui peningkatan kecekapan serta peluasan program kadet dan biasiswa serta mempercepatkan pendigitalan, teknologi hijau dan kepimpinan serantau, termasuk peranan yang lebih aktif dalam kerjasama



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi selaku tetamu kehormat majlis ketika berucap (atas kiri). Turut hadir, Yang Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal) selaku Timbalan Pengerusi MPABD; Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, Lembaga Pengarah MPABD (atas).

maritim ASEAN dan BIMP-EAGA," jelas Yang Berhormat selaku Pengerusi Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) semasa ucapatama pada Pelancaran Navigating 2030 - Pelan Strategik Lima Tahun MPABD 2026-2030 berlangsung di Dewan Indera Kayangan, The Empire Brunei, Jerudong, di sini.

Sebelum menutup ucapan, Yang Berhormat menegaskan bahawa kejayaan pelan strategik ini bergantung pada pelaksanaan yang berdisiplin, kerjasama antara agensi yang kukuh, serta komitmen bersama daripada kerajaan, industri dan institusi untuk menghasilkan impak berkekalan bagi negara.

MPABD hari ini telah

melancarkan Navigating 2030 - Pelan Strategik Lima Tahun MPABD 2026-2030 yang disempurnakan oleh Yang Berhormat selaku tetamu kehormat.

Terdahulu, acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Imam Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Awang Mohammad Aisamuddin @Aliomar bin Alias, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Ketua Eksekutif MPABD, Kapten (B) Zil Husam bin Haji Abdul Rahman.

Pada majlis tersebut juga menyaksikan video Year-in-Review mengenai pencapaian utama MPABD bagi tahun 2024-2025 serta perjalanan pembangunan Pelan Strategik.

Majlis diteruskan dengan pelancaran Pelan Navigating 2030, diikuti dengan tayangan video rasmi oleh tetamu kehormat.

Kemudian diteruskan dengan beberapa sesi perkongsian mengenai 'Muara Port 2030: Gateway to a Thriving Maritime Economy' disampaikan oleh Awang Mohd. Fazilah bin Haji

Md. Yassin dan 'Brunei's Strategic Place in the New Maritime Map: From Oil and Gas Reliance to Regional Maritime Leader' oleh Joseph Kam-Fu Hu.

Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderahati sebagai tanda penghargaan kepada para penceramah jemputan.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani selaku Timbalan Pengerusi MPABD; Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, Lembaga Pengarah MPABD, pegawai kanan kerajaan, dan rakan-rakan industri maritim.

Navigating 2030 bertujuan agar MPABD mengekalkan piawaian tertinggi keselamatan dan kelestarian, memupuk ekonomi maritim yang berkembang pesat, membina tenaga kerja berkualiti dan bersedia menghadapi masa depan; menggalakkan inovasi dan teknologi hijau serta memperkukuhkan kedudukan NBD secara strategik sebagai peneraju maritim.

Dayang Siti Kamilah johan Pertandingan Mencipta Logo BKISHHB



PEMANGKU Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang Pertandingan Mencipta Logo Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Disember. - Dayang Siti Kamilah binti Haji Mohd. Azrae telah dipilih sebagai pemenang Pertandingan Mencipta Logo Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB).

Majlis Doa Kesyukuran dan Penyampaian Hadiah Pertandingan kepada pemenang diadakan petang tadi di Dewan Auditorium BKISHHB.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Pemangku Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali.

Dayang Siti Kamilah menerima hadiah wang tunai sebanyak BND3,000 berserta sijil penghargaan.

Manakala, Awang Mohammad Aliff bin Haji Awang Madial, Pengiran Ibrahim bin Pengiran Haji Bakar, Awang Omar Danny bin Haji Timbang dan Awang Abdul Ajihis bin Haji Terawih masing-masing menerima hadiah sagu hati wang tunai sebanyak BND500 serta sijil penghargaan.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Pegawai Arkib Skim Perantisan Perkhidmatan Awam (SkiPPA), Awang Muhammad Nazirul Helmi bin Muhammad Saidi Nazmi, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Timbalan Pengarah BKISHHB selaku Pengerusi Majlis, Dayang Halimahtusa'adiah binti Haji Hishamuddin.

Beliau, dalam ucapan alu-aluan, menjelaskan, penyertaan orang ramai bagi pertandingan tersebut

adalah sangat menggalakkan, di mana sebanyak 93 reka cipta telah diterima.

"Pertandingan ini adalah salah satu inisiatif penting yang dirangka selaras dengan pendekatan Whole Of Nation untuk menggalakkan penyertaan aktif masyarakat dalam memberikan sumbangan kreatif bagi penciptaan logo rasmi yang dapat melambangkan identiti dan keunikannya sebagai sebuah Pusat Penyelidikan Khazanah Islam yang unggul di negara ini, termasuklah di peringkat serantau dan antarabangsa.

"Penganjuran pertandingan ini bukan saja bermatlamat untuk menghasilkan logo baharu atau simbolik bagi Balai Khazanah Islam. Ia adalah juga merupakan manifestasi keterlibatan orang ramai dalam menyokong perkembangan hala tuju intelektual, budaya dan peradaban Islam di negara ini," jelas beliau.

Sebuah Jawatankuasa Penilaian Pertandingan Mencipta

Logo, katanya, telah ditubuhkan bagi menilai serta memilih pemenang pertandingan.

"Pelbagai rekaan logo diterima, yang bukan sahaja menampilkan kreativiti, bahkan menunjukkan kefahaman mendalam para peserta terhadap peranan dan fungsi Balai Khazanah Islam.

"Reka cipta logo yang terpilih sebagai pemenang telah dibentangkan kepada Mesyuarat Lembaga Penasihat BKISHHB terlebih dahulu bagi tujuan pengesahan," tambahnya.

Majlis diteruskan dengan penyampaian hadiah kepada pemenang dan pemenang-pemenang sagu hati, disusuli dengan penyampaian sijil-sijil penghargaan kepada kesemua 32 peserta yang mengambil bahagian dalam pertandingan berkenaan, juga kepada Jawatankuasa Penilaian Pertandingan Mencipta Logo BKISHHB.

Dayang Siti Kamilah, dalam satu temu bual, menzahirkan rasa sangat bersyukur dan berbesar hati atas pencapaian tersebut.

Katanya, ia merupakan satu pencapaian yang amat bermakna kerana memberinya peluang untuk menyumbang dalam penghasilan reka bentuk logo tersebut BKISHHB.

"Ia merupakan satu pencapaian yang tidak saya jangka tetapi sangat saya hargai," katanya.

Beliau menambah, persediaan bagi pertandingan mencipta logo BKISHHB bermula dengan memahami latar belakang Balai Khazanah dari segi peranan, objektif dan seni bina bangunan bagi memastikan elemen-elemen logo adalah selaras dengan identitinya.

Selain itu, beliau juga

menyediakan beberapa pilihan reka bentuk dengan variasi bentuk, susun atur dan penggunaan warna untuk memastikan logo yang dipilih benar-benar menepati keperluan dan identiti Balai Khazanah.

"Proses lakaran juga dilakukan secara berperingkat untuk melihat pilihan yang berpotensi sebelum diperhalusi.

"Semua persiapan ini membantu memastikan rekaan yang dihasilkan lebih teliti dan mencerminkan ciri-ciri serta identiti Balai Khazanah secara keseluruhan dengan makna yang sesuai," jelasnya.

Beliau memberitahu, inspirasi reka bentuk logo yang dihasilkan banyak datang dari struktur bangunan ikonik Balai Khazanah seperti elemen *dome* (kubah), menara dan seni ukiran Islam di dalam dan luar bangunan.

"Saya memberi perhatian kepada elemen visual yang mampu membawa makna dengan cara yang jelas dan mudah dikenali. Logo ini turut diinspirasi dengan unsur Melayu Islam Beraja, di mana elemen bulan sabit membawa maksud Balai Khazanah sebagai pameran bagi warisan ilmu Islam dan elemen panji-panji yang terletak di atas logo membawa maksud bahawa Balai Khazanah merupakan sebuah balai milik peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam," tambahnya.

Selain itu, beliau menjelaskan, penggunaan warna hijau diinspirasi dari penggunaan warna Islam dan warna emas melambangkan prestasi, kemakmuran, kemajuan dan pengetahuan.

Pengkorporatan JPP strategi jangka panjang memperkukuh sektor pos

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



HARI Terbuka dihadiri oleh perwakilan daripada kesemua agensi kerajaan, pihak-pihak yang berkepentingan dan pelanggan-pelanggan usahawan, di mana maklum balas dan pertanyaan telah diterima secara terbuka, menekankan keutamaan terhadap ketelusan dan penyampaian maklumat yang jelas.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Disember. - Sebagai langkah awal ke arah transformasi sektor perkhidmatan pos negara, PosBru Sdn. Bhd. (PosBru) mengadakan Hari Terbuka, pagi tadi.

Sesi berkenaan bertujuan memberikan gambaran menyeluruh mengenai hala tuju baharu setelah pengkorporatan Jabatan Perkhidmatan Pos (JPP).

Sesi berkenaan dihadiri oleh perwakilan daripada kesemua agensi kerajaan, pihak-pihak yang berkepentingan dan pelanggan-pelanggan usahawan JPP.

Acara dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim, yang antara lain mengongsikan hala tuju strategik dalam melaksanakan dasar pengkorporatan JPP dan menekankan bahawa sesi pagi berkenaan merupakan peluang bagi semua pihak untuk mendapatkan maklumat lanjut serta mengemukakan soalan berhubung proses pengkorporatan berkenaan.

Melalui sesi perkongsian berkenaan, agensi-agensi kerajaan serta pemain industri dan semua yang hadir diberi peluang untuk memahami model operasi, perkhidmatan harian, proses peralihan serta aspirasi PosBru ke arah menjadi penyedia perkhidmatan pos yang lebih mampan dan berdaya saing dalam era digital.

Maklum balas dan pertanyaan telah diterima secara terbuka, menekankan keutamaan terhadap ketelusan dan penyampaian maklumat yang jelas kepada pihak berkepentingan.

Transformasi perkhidmatan pos untuk masa depan berkuat kuasa pada 1 Januari 2026, dan semua perkhidmatan pos yang sebelum ini dikendalikan oleh JPP akan beroperasi di bawah PosBru, sebuah anak syarikat milik penuh Darussalam Assets Sdn. Bhd. (Darussalam Assets), dan dikawal selia oleh Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) sebagai 'Public Postal Licensee'.

Transformasi berkenaan bukan sekadar perubahan struktur tetapi merupakan strategi jangka panjang untuk memperkukuh sektor pos dalam ekonomi digital negara.

Melalui model korporat baharu berkenaan, PosBru akan secara berperingkat-peringkat menambah baik pengalaman pelanggan melalui pendekatan lebih moden dan responsif, memperluaskan penawaran perkhidmatan dan peluang perniagaan, memacu



PEMANGKU Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim hadir di acara berkenaan.

inovasi termasuk pembangunan produk baharu, dan Meningkatkan peluang pekerjaan bagi penduduk tempatan.

Keseluruhannya, pengkorporatan berkenaan mencerminkan usaha negara untuk memastikan perkhidmatan pos kekal relevan, efisien dan responsif dalam menghadapi perubahan landskap digital global.

Sehubungan dengan itu, peralihan ke arah model korporat dilaksanakan secara menyeluruh untuk memastikan kesejahteraan pekerja terpelihara.

Dalam hubungan ini, MTIC bersama PosBru dan Darussalam Assets telah melaksanakan Pelan Komunikasi yang komprehensif bagi memberi kejelasan kepada pegawai dan kakitangan mengenai skim perkhidmatan, kelebihan,

struktur peranan dan perkembangan kerjaya.

Pelan berkenaan dilaksanakan melalui sesi pertemuan berkumpulan kecil (*small group engagements* - SGEs), perbincangan 'one-to-one', serta sesi muzakarah (*Townhall*).

Selaras dengan matlamat penstrukturan semula, semua pegawai dan kakitangan JPP akan ditawarkan peluang berkhidmat di bawah PosBru.

Selain jaminan pekerjaan, peluang berkenaan turut membuka ruang kepada perkembangan kemahiran dalam persekitaran korporat yang lebih dinamik dan progresif.

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkhidmatan PosBru, boleh disalurkan melalui e-mel feedback@posbru.com.bn.

MINI KONVOKESYEN RAIKAN 110 PELAJAR NUQRA



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dr. Awang Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd. Salleh hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian sijil (kiri dan atas).

Siaran Akhbar dan Foto : Nuqra Quranic Learning Centre

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 Disember. - Nuqra Quranic Learning Centre (Nuqra) telah mengadakan Majlis Mini Konvokesyen Nuqra 2025 bagi merayakan kejayaan lebih 110 pelajar yang telah mengkhataamkan 30 Juzuk Al-Quran, menamatkan Kelas Hafazan Juzuk 30, serta Kelas Persediaan Sekolah Ugama (PSU) dari cawangan Beribi, Kiulap dan Madang (Lambak).

Sebagai pusat mengaji pertama yang memperkenalkan Kelas PSU secara tersusun di Negara Brunei Darussalam, Nuqra telah menjalankan program ini lebih tujuh tahun dan kini menjadi rujukan

ramai ibu bapa dalam memastikan anak-anak bersedia memasuki sekolah ugama dengan asas bacaan, ibadah dan adab yang kukuh.

Majlis yang berlangsung di Dewan Auditorium, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanah Bolkiah tersebut dihadiri oleh Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dr. Awang Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd. Salleh selaku tetamu kehormat.

Acara dimulakan dengan bacaan khatam dan dikir, diikuti penyampaian sijil serta Anugerah

Pelajar Terbaik kepada mereka yang menunjukkan komitmen tinggi sepanjang tahun.

Juga menyerikan acara ialah persembahan daripada pelajar persediaan sekolah ugama.

PERSEMBAHAN daripada pelajar persediaan sekolah ugama memeriahkan Majlis Mini Konvokesyen Nuqra 2025.



MEMPERKUKUH PEMBANGUNAN PROFESIONAL GURU, MEMPERKAYA EKOSISTEM PENDIDIKAN ASEAN

Siaran Akhbar dan Foto :
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

>> Muka 1

Mesyyuarat Ketua-ketua AsTEN Ke-20 kali ini antara lain membincangkan agenda-agenda yang berkaitan dengan rangka kerja tahunan serta inisiatif AsTEN yang selaras dengan hala tuju strategik jaringan melalui pelbagai platform institusi anggota AsTEN.

Ini termasuklah penyertaan baharu Universiti Brunei Darussalam (UBD) melalui Sultan Hassanah Bolkiah Institute of Education (SHBIE). Penerimaan Keahlian SHBIE, UBD sebagai Ahli AsTEN bermula Januari 2026 bagi tempoh tiga tahun.

Mesyyuarat juga mengesahkan Philippines Normal University sebagai tuan rumah bagi Mesyyuarat Ketua-ketua AsTEN Ke-21, pada Mei 2026 di Cebu City, Republik Filipina dan Kasetart

University sebagai tuan rumah bagi Mesyyuarat Ketua-ketua AsTEN Ke-22, pada November 2026 di Bangkok, Thailand.

AsTEN dianggotai oleh rangkaian institusi pendidikan guru di negara-negara ASEAN dalam usaha untuk menangani isu dan cabaran yang berkaitan dengan program, amalan dan dasar pendidikan guru dalam ASEAN.

Ia secara tidak langsung berpotensi untuk memperkukuh pembangunan profesional guru dan memperkaya ekosistem pendidikan di negara-negara ASEAN secara menyeluruh dan komprehensif.

Komitmen KUPU SB dalam AsTEN berkenaan secara tidak langsung menjadi platform untuk kerjasama akademik dan penyelidikan antara institusi anggota, yang boleh memberi manfaat kepada KUPU SB

RA'ES Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani selaku Timbalan Pengerusi AsTEN hadir mewakili KUPU SB di Mesyyuarat Ketua-ketua The Association of Southeast Asian Teacher Education Network (AsTEN) Ke-20 di Bandung, Republik Indonesia.

khasnya dan Negara Brunei Darussalam (NBD) amnya.

Ra'es KUPU SB merupakan Ahli Lembaga Pengarah dalam AsTEN, dan juga Timbalan Pengerusi AsTEN bagi tempoh 2024 hingga 2027 serta Ketua AsTEN bagi jaringan pendidikan guru Asia Tenggara yang mewakili NBD.



Food Festival 2025 : Mengetengahkan produk pengusaha tempatan

Berita dan Foto :
Nurdiyanah Rajami



FOOD Festival 2025 diadakan dari 11 Disember hingga 14 Disember di kawasan letak Kereta Zon L, Stadium Negara Hassanah Bolkiah, dengan lebih 70 vendor menawarkan pelbagai makanan dan minuman dan perkhidmatan permainan untuk kanak-kanak (atas dan bawah).

BERAKAS, Khamis, 11 Disember. - Dengan matlamat murni bagi sama-sama mengetengahkan produk makanan dan minuman golongan pengusaha tempatan dan juga luar negara kepada orang ramai di negara ini, Starbugs Event Management menganjurkan Food Festival 2025 bermula hari ini sehingga 14 Disember nanti.

Acara yang diadakan di kawasan letak Kereta Zon L, Stadium Negara Hassanah Bolkiah berkenaan dibukakan untuk kunjungan orang ramai bermula jam 4.00 petang hingga 11.00 malam dengan menyaksikan penglibatan lebih 70 vendor secara keseluruhannya.

Selain pelbagai makanan dan minuman yang diketengahkan oleh para pengusaha, acara turut dimeriahkan dengan golongan pengusaha yang menawarkan pelbagai perkhidmatan permainan untuk kanak-kanak seperti permainan belon, kereta api dan sebagainya.

Dengan adanya acara yang dianjurkan bersempena Brunei Disember Festival (BDF) Ke-9 ini, ia juga dihasrat untuk membuka minda masyarakat khususnya golongan muda untuk sama-sama mengorak langkah secara proaktif dalam mencari pendapatan sampingan mahupun sepenuh masa melalui bidang keusahawanan meskipun bermula secara kecil-kecilan.



Membentuk remaja miliki akhlak mulia, keyakinan diri



BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 12 Disember. - Seramai 30 peserta yang menyertai Program Huffaz Junior 2025 anjuran Al-Huffaz Management diraikan pada majlis penutup yang berlangsung di Pusat Da'wah Islamiah (PDI), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil kepada para peserta ialah Pemangku Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman. Sementara itu, Pengasas dan CEO Al-Huffaz Management, Awang Haji Mohammad Loqman Al-Hakim bin Haji Hamdan dalam ucapannya antara lain menjelaskan bahawa Huffaz Junior 2025 mencapai matlamatnya dalam membentuk remaja yang bukan sahaja mahir dalam hafazan, tetapi turut memiliki akhlak mulia dan keyakinan diri. Menurutnya, program ini menggabungkan elemen rohani dan fizikal bagi memastikan peserta mendapat pengalaman pembelajaran yang seimbang, menyeronokkan dan memberi kesan jangka panjang kepada perkembangan mereka sebagai generasi Celik

PENGASAS dan CEO Al-Huffaz Management, Awang Haji Mohammad Loqman Al-Hakim bin Haji Hamdan ketika menyampaikan ucapan (atas kanan), sementara gambar kanan, sebahagian daripada yang hadir di majlis tersebut.

Al-Quran.

Majlis tersebut turut disertai dengan persembahan bacaan hafazan Surah Al-Waqi'ah oleh para peserta sebagai simbolik pencapaian mereka sepanjang program. Para peserta terdiri daripada 19 lelaki dan 11 perempuan yang berumur antara 10 hingga 15 tahun yang menyertai program tersebut selama empat hari bermula 9 Disember lalu. Program ini dirancang khusus untuk membimbing para remaja dalam menghafaz Surah Al-Waqi'ah ayat 1 hingga 20 sambil memperkukuh bacaan, pemahaman serta kecintaan mereka terhadap Al-Quran melalui pendekatan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Alishahrin Haji Mumin

PEMANGKU Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman hadir selaku tetamu kehormat serta menyampaikan sijil kepada para peserta.

pembelajaran yang teratur dan interaktif.

Selain sesi hafazan, para peserta turut mengikuti aktiviti sunnah seperti memanah dan menunggang kuda, yang bertujuan membina disiplin, fokus, keyakinan diri serta kekuatan fizikal selaras dengan nilai tarbiah Islam. Gabungan pembelajaran rohani dan latihan jasmani ini memberikan pengalaman menyeluruh yang mendidik minda, akhlak dan karakter peserta.



MEMPERKUKUH PERANAN BELIA DALAM ERA REVOLUSI INDUSTRI 4.0

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ihsan Pusat Pembangunan Belia

TANAH JAMBU, Rabu, 10 Disember. - Seramai 11 belia tempatan berjaya menamatkan Kursus Artisan Skills Pengendalian Dron anjuran Pusat Pembangunan Belia (PPB) dengan kerjasama SkyVision, yang berlangsung pada 8 hingga 9 Disember 2025.

Penyampaian sijil kepada para peserta disampaikan oleh Penolong Pengarah PPB, Awang Haswandi bin Haji Osman.

Program intensif berkenaan memberi pendedahan teknikal dan keselamatan pengendalian dron serta untuk melengkapkan belia dengan kemahiran teknikal yang diperlukan untuk mengendalikan dron secara profesional, serta dapat membuka peluang pekerjaan dalam pemetaan, pengawasan, fotografi udara, atau sektor pertanian.

Selain itu, program berkenaan juga memperkukuh peranan belia sebagai generasi berteknologi tinggi dalam era Revolusi Industri 4.0.

Awang Abd. Adib bin Haji Abd. Khani, salah seorang peserta mengongsikan, belajar

PENOLONG Pengarah Pusat Pembangunan Belia (PPB), Awang Haswandi bin Haji Osman hadir menyempurnakan penyampaian sijil kepada 11 belia tempatan yang telah berjaya menamatkan Kursus Artisan Skills Pengendalian Dron anjuran PPB dengan kerjasama SkyVision.

mengendalikan dron adalah langkah yang bijak kerana ia membuka pelbagai peluang dan manfaat.

Menurutnya, beberapa sebab utama termasuk peluang kerjaya yang berkembang dengan industri dron (UAS - Unmanned Aircraft Systems) berkembang pesat dalam sektor seperti pembinaan, pertanian (*precision agriculture*), pemeriksaan infrastruktur (jambatan, menara telekom), dan penghantaran.

"Menguasai dron bermakna mempunyai kemahiran teknikal yang relevan dengan masa depan, termasuk pemahaman tentang aerodinamik dan navigasi GPS.

"Dron adalah alat penting dalam fotografi dan videografi udara profesional, membolehkan



penciptaan kandungan visual yang menakjubkan untuk filem, pemasaran dan juga media," ujarnya lagi.

PSW bantu golongan kurang berkemampuan



PERSATUAN Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam telah menerima sumbangan wang hasil daripada jualan karya mural oleh 20 pelukis tempatan di mana sumbangan tersebut akan diagihkan kepada 25 pelajar yang tersenarai di bawah program 'Infaq Al-Hub Back To School' di Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Tutong.

Siaran Akhbar dan Foto :
Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Disember. - Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam (PSW) baru-baru ini menerima sumbangan berjumlah BND1,944, hasil daripada jualan karya mural oleh 20 pelukis tempatan yang berhasrat menyumbangkan keseluruhan harga jualan bagi manfaat masyarakat setempat.

Pembelian mural berkenaan dibuat oleh WW Mart melalui pemiliknya, Mr. Lim, sebagai sokongan terhadap hasrat murni para pelukis tempatan berkenaan.

Sumbangan berkenaan telah diserahkan kepada Yang Dipertua PSW, Dayang Hajah Hassanah binti Haji Awang Hassan.

Hadir sama pada Majlis Penyerahan Sumbangan berkenaan, Penasihat I PSW, Pengiran Hajah Zabaidah binti Pengiran Haji Kamaludin dan Ahli-ahli Jawatankuasa PSW.

Dana hasil jualan mural berkenaan dikumpulkan melalui jualan lelong dalam talian semasa Pameran Lukisan Twenty21 (Twenty21 Art Exhibition), yang diinspirasikan oleh motif terpilih daripada para pelukis tempatan, termasuk karya Pengiran Dato Paduka Haji Asmalee bin Pengiran Haji Ahmad.

Sumbangan berkenaan akan diagihkan kepada 25 pelajar yang memerlukan yang tersenarai di bawah program 'Infaq Al-Hub Back

To School' di Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Tutong.

PSW merakamkan penghargaan atas kemurahan hati para penyumbang yang terus menyokong pelbagai program kebajikannya.

PSW juga mengalu-alukan lebih banyak sumbangan bagi membolehkan usaha-usaha kebajikan diteruskan, khususnya dalam membantu golongan yang kurang berkemampuan di negara ini.

Di samping itu, PSW berharap aktiviti seperti berkenaan menjadi 'qudwah hasanah' (teladan baik) kepada organisasi lain untuk turut serta dalam usaha amal kebajikan.

PSW, yang ditubuhkan pada 5 Februari 1990, merupakan sebuah persatuan bukan kerajaan yang

Pendaftaran keputusan Peperiksaan SPUB dibukakan

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Disember. - Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam selaku Urus Setia Lembaga Peperiksaan Pelajaran Ugama Brunei (LPPUB) dengan kerjasama Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST), Progresif Sdn. Bhd., Imagine Sdn. Bhd. dan Mach Telecommunications Systems Sdn. Bhd. (MachTel) ingin maklumkan bahawa pendaftaran bagi mendapatkan keputusan Peperiksaan Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB) Tahun 1446 Hijrah/2025 Masihi akan mula dibukakan.

Calon-calon peperiksaan, ibu bapa atau penjaga yang ingin melanggan perkhidmatan ini dikehendaki mendaftar terlebih dahulu melalui perkhidmatan SMS menggunakan telefon bimbit.

Pendaftaran adalah percuma dan pelanggan boleh mula mendaftar mulai Khamis, 11 Disember 2025, pukul 10.00 pagi.

Pendaftaran melalui perkhidmatan SMS adalah dengan menaip KHEU (jarak) REG (jarak) NOMBOR PUSAT PEPERIKSAAN (jarak) NOMBOR INDEKS CALON (jarak) NOMBOR KAD PENGENALAN PINTAR dan hantar ke 8885555 bagi pelanggan DST, 38666 bagi pelanggan Progresif Sdn. Bhd. atau 39966 bagi pelanggan Imagine Sdn. Bhd.

Pendaftaran yang berjaya akan dimaklumkan kepada pelanggan melalui SMS tanpa sebarang kos kepada pelanggan.

Keputusan peperiksaan SMS hanya akan dihantar kepada pelanggan yang berdaftar setelah keputusan peperiksaan dikeluarkan.

Pelanggan akan dikenakan caj bayaran BND1 bagi setiap keputusan peperiksaan SMS yang diterima.

Sehubungan dengan itu, dipohonkan kepada para pelanggan agar dapat memastikan telefon bimbit masing-masing mempunyai baki kredit yang mencukupi.

Melalui perkhidmatan ini nanti, diharap akan dapat memudahkan para calon, ibu bapa atau penjaga mengetahui keputusan peperiksaan SPUB Tahun 1446H/2025M secara individu dengan lebih cepat dan tepat.

Bagi sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut mengenai kaedah pendaftaran serta terma dan syarat bagi perkhidmatan ini, bolehlah menghubungi Mach Telecommunications Systems Sdn. Bhd. melalui nombor talian +673 8671355 atau e-mel: kheuresults@machbrunei.com.

telah aktif selama 35 tahun dalam perkhidmatan masyarakat. Dengan keanggotaan yang terdiri daripada ramai profesional, PSW sentiasa

menganjurkan program yang memberi impak dalam bidang pendidikan, kebajikan, dan pembangunan profesional.



BUDAYA MEMBACA, ASAS MASYARAKAT BERILMU

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 21 Jamadilakhir 1447H / 12 Disember 2025M



ISLAM MENYURUH KITA BERFIKIR, BELAJAR, MEMBACA, MENULIS, MENILAI DAN BERAMAL DENGAN ILMU



APA YANG BOLEH KITA BUAT?

- Hidupkan budaya membaca dan ilmu sebagai amalan harian keluarga dan masyarakat
- Jadikan masjid sebagai pusat ibadah dan ilmu, rumah bukan sekadar tempat rehat tetapi juga tempat tarbiah dan sekolah tempat menanam cinta ilmu dan adab yang mulia



Budaya membaca, asas masyarakat berilmu

mencerdaskan akal tetapi membina amanah, menyuburkan takwa dan menghindarkan kita daripada penyelewengan seperti rasuah dan memakan harta secara batil. Jelaslah membaca dalam Islam akan melahirkan hamba yang tunduk, bukan manusia yang sombong. Maka dengan membaca, kita boleh memahami Al-Quran, hadis, sejarah Islam dan ilmu pengetahuan yang membawa kepada kemajuan diri, bangsa, agama dan negara. Dengan membaca juga, membolehkan seseorang insan itu menyebarkan ilmu kefahaman melalui penulisan. Justeru itu, Allah Subhanahu Wata'ala juga bersumpah dengan pena (kalam), menandakan kemuliaan ilmu, tulisan dan catatan yang amanah. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Qalam, ayat 1 :

Tafsirnya : "Nun, demi kalam (pena) dan apa yang mereka tulis".

Sememangnya membaca dan menulis sangat berkait rapat antara satu sama lain. Jika tidak pandai membaca maka tidak akan pandai menulis. Membaca itu menjauhkan diri daripada kejahilan dan dapat melatih minda kita berfikir positif, terbuka dan matang, membentuk akhlak mulia, berkeperibadian terpuji dan membina jati diri yang diredai oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab kita sebagai ibu bapa untuk membudayakan anak-anak kita supaya gemar membaca di awal usia lagi.

Dalam hal ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah bersempena Menyambut Awal Tahun Baharu 2013 Masihi. Antara petikan titah baginda :

"Namun usaha ini sukar untuk berhasil, jika kita gagal memperluaskan anak-anak sekolah dengan kemahiran-kemahiran asas, seperti membaca, menulis dan mengira. Ini penting, dan sekali gus perlu dijadikan budaya kerana bangsa yang maju, mereka itu pasti kuat membaca, banyak menulis serta pandai mengira".

Jelas daripada petikan titah tersebut betapa baginda menginginkan rakyat dan penduduk di negara ini memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi dan berjaya.

Nabi kita Sayyidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ialah rasul yang menghidupkan budaya ilmu walaupun

Baginda ialah *ummi* (tidak membaca dan menulis), Baginda sentiasa bertilawah Al-Quran, membacakan dan mengajarkan Al-Quran kepada para sahabat serta mendorong umat menuntut ilmu dan mempelajari kemahiran membaca dan menulis. Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam juga menggalakkan umat Islam menuntut ilmu. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu dia berkata, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda :

Maksudnya : "Barang siapa menempuh jalan untuk mencari ilmu, maka Allah akan memudahkan jalan ke syurga baginya". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Budaya ilmu ini kemudian diteruskan oleh para sahabat, tabiin dan para ulama. Justeru itu, generasi pada zaman kegemilangan Islam terkenal dengan kesungguhan menuntut ilmu dan mempelajari Al-Quran. Dalam catatan sirah, Islam telah mengangkat darjat kemahiran menulis dan membaca sejak awal lagi. Disebut bahawa sebahagian tawanan Perang Badar meminta untuk dibebaskan. Baginda bersetuju dengan permohonan itu, akan tetapi dengan syarat sebelum dibebaskan, tawanan tersebut hendaklah terlebih dahulu mengajar anak-anak orang Islam membaca dan menulis. Daripada Ibnu Abas Radiallahuanhuma, dia berkata :

Maksudnya : "Orang-orang dari tawanan Perang Badar tidak memiliki tebusan. Lalu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menjadikan tebusan mereka adalah dengan mengajari anak-anak Ansar menulis".

Inilah satu pengajaran besar bahawa membina masyarakat berilmu bukan kerja sampingan, tetapi sebahagian daripada kekuatan umat dan asas membangun peradaban.

Apabila umat Islam mencintai ilmu, lahirilah tokoh. Antara tokoh Islam gemilang sepanjang zaman yang mengubah dunia dan memuliakan agama, adalah :

Pertama : Imam Al-Bukhari iaitu seorang ulama hadis yang sangat teliti, beliau pengumpul dan menyaring hadis Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dengan sepenuh amanah sehingga lahir kitab hadis yang masyhur.

Kedua : Imam Al-Ghazali iaitu seorang ulama yang menggabungkan ilmu syariah, akhlak dan pemikiran. Mengajar kita adab ilmu dan penyucian jiwa.

Ketiga : Al-Khwarizmi iaitu seorang pemikir matematik terkenal yang mengembangkan ilmu kira-kira dan asas algebra yang memberi manfaat besar kepada manusia.

Keempat : Ibnu Sina iaitu seorang pakar perubatan. Ilmu dan penulisannya memberi sumbangan besar dalam dunia kesihatan.

Kelima : Ibnu Al-Haitham iaitu seorang pakar yang membina asas penting kepada bidang sains.

Keenam : Al-Biruni iaitu seorang tokoh pelbagai bidang yang muncul dalam penyelidikan ilmu. Antaranya : astronomi, matematik dan ilmu kaji bumi.

Mereka ini semuanya lahir melalui budaya membaca, mengkaji, menulis dan beramal dengan ilmu. Maka dengan meneladani tokoh ilmuwan ini, jelas Islam membina kemajuan melalui ilmu yang bermanfaat iaitu ilmu agama yang membimbing iman dan ibadah serta ilmu dunia yang mengukuhkan umat, membangun negara dan menjaga kemaslahatan rakyat.

Marilah kita hidupkan budaya dan ilmu sebagai amalan harian keluarga dan masyarakat. Jadikanlah rumah bukan sekadar tempat rehat tetapi juga tempat tarbiah. Masjid sebagai pusat ibadah dan ilmu. Sekolah tempat menanam cinta ilmu dan adab yang mulia. Sesungguhnya usaha membina masyarakat berilmu dan beradab mulia adalah juga aspirasi negara melalui Wawasan Brunei 2035 iaitu melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, di samping membangunkan kehidupan yang berkualiti dan kemajuan yang mampan. Mudah-mudahan kita diberi kefahaman dalam agama dan kefahaman ilmu yang bermanfaat bagi kesenangan dan kejayaan hidup di dunia dan di akhirat. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Apabila dikatakan kepada kamu : "Lapangkanlah tempat duduk di majlis-majlis (untuk orang lain)", maka lapangkanlah, nescaya Allah memberi kelapangan untuk kamu. Dan apabila dikatakan : "berdirilah", hendaklah kamu berdiri, nescaya Allah meninggikan orang-orang yang beriman antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama beberapa darjat. Dan Allah Maha Teliti terhadap apa yang kamu kerjakan". (Surah Al-Mujadilah, ayat 11)

Memperkukuh usaha antarabangsa memerangi perdagangan orang



TIMBALAN Penguasa Polis, Dayang Hajah Anis @Roszaffina binti Haji Ahmad/Mohd. Ariffin berkesempatan menyampaikan pembentangan dalam tajuk 'Trafficking in Persons (TIP) cases in Brunei Darussalam' di The 13th INTERPOL Global Conference on Human Trafficking and Migrant Smuggling for Expert Group di ibu pejabat International Criminal Police Organisation (INTERPOL) Lyon, France.

LYON, FRANCE, Jumaat, 12 Disember. - Delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menghadiri The 13th INTERPOL Global Conference on Human Trafficking and Migrant Smuggling for Expert Group bermula 9 hingga 11 Disember 2025 di ibu pejabat International Criminal Police

Organisation (INTERPOL) Lyon, France yang dihadiri oleh wakil Unit Siasatan Perdagangan Manusia, Jabatan Siasatan Jenayah dan Unit Hal Ehwal Luar, INTERPOL dan ASEANAPOL, Pejabat Urus Setia Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei.

Mesyuarat dan persidangan ini telah dihadiri oleh sejumlah 175 peserta dari 70 buah negara antarabangsa termasuk Asia Tenggara.

Sebanyak 10 topik sesi plenary yang telah diperbincangkan terdiri daripada 32 orang para penyampai panel dari kumpulan pakar masing-masing khususnya di bidang perdagangan orang dan penyeludupan migran.

Timbalan Penguasa Polis, Dayang Hajah Anis @Roszaffina binti Haji Ahmad/Mohd. Ariffin telah berkesempatan menyampaikan pembentangan dalam tajuk 'Trafficking in Persons (TIP) cases in Brunei Darussalam' pada sesi plenary kelima yang bertajuk Human Trafficking and Smuggling of Migrants

Siaran Akhbar dan Foto: Pasukan Polis Diraja Brunei

Investigative Support to Member Countries.

Objektif utama mesyuarat dan persidangan ini diadakan adalah untuk menunjukkan komitmen pihak INTERPOL sebagai sebuah organisasi yang menyelaras aktiviti-aktiviti negara-negara untuk memerangi pelbagai jenayah selain memberikan sokongan

serta bantuan dalam penyiasatan, kepakaran dan latihan kepada penguatkuasa undang-undang di seluruh dunia selain memberi peluang untuk bertukar-tukar pengetahuan, berkongsi amalan terbaik dan melibatkan diri dalam perbincangan bermakna dengan memberi tumpuan mengenai isu-isu yang berkaitan dengan perdagangan orang dan penyeludupan migran.

Para peserta juga berpeluang mengadakan mesyuarat secara bilateral dan multilateral dengan negara-negara yang berkepentingan bagi memerangi jenayah perdagangan orang dan penyeludupan migran mengikut keperluan atau kehendak masing-masing di dalam isu-isu penyiasatan, perlindungan, pendakwaan, kolaborasi dan perkongsian maklumat.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar ramai bersama pasukan Polo Negara Brunei Darussalam, Thailand dan Malaysia semasa perlawanan akhir Polo Sukan Asia Tenggara Ke-33.



**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

50 / BBS / SH / BKA 2025 - 2026

Kerja-Kerja Membina Kaunter Baharu Pada Aras Bawah, Bangunan Utama Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria, Jalan Mckerron Kuala Belait

Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam

Kelas:
I dan II

Kategori:
KA01 dan B01

Yuran Tawaran:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
23 Disember 2025 (Selasa)



Bilangan Tawaran dan Keterangan Projek:
16 / BBS / SDLJBKBS / 2025-2026

Supply And Delivery Solar Light For Jabatan Bandaran Kuala Belait And Seria

Yuran Tawaran:
BND5.00 (Non-Refundable)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 23 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0060 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Building Repair Works At Biodiversity Development Center, Department Of Fisheries

Tarikh Tutup:
Khamis, 18 Disember 2025



bagi **Pengesahan Cerai di Luar Mahkamah.**

Sila ambil perhatian bahawa jika kamu ingkar hadir di mahkamah pada hari dan masa yang ditetapkan, Mahkamah boleh meneruskan untuk mendengarkan dan memutuskan kes tanpa kehadiran kamu.

Dan sila ambil perhatian bahawa jika kamu ingin membela diri terhadap tuntutan tersebut, kamu hendaklah memfailkan di Mahkamah ini dan menyampaikan kepada Plaintiff suatu pembelaan dalam Borang yang ditetapkan sebelum tarikh yang disebut di atas atau hadir di Mahkamah pada tarikh itu.

Bertarikh :
22 Jamadilawal 1447H / 13 November 2025M

Meterai
Mahkamah Rendah Syariah Daerah Brunei dan Muara Negara Brunei Darussalam



**MAHKAMAH BESAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Notis Pemberitahuan
Mahkamah Pegawai Waris
Negara Brunei Darussalam**

Pejabat Pendaftaran Waris ingin memohon kerjasama Pentadbir atau Ahli-ahli Waris bagi Allahyarham / Mendiang di bawah supaya akan dapat hadir ke Mahkamah Besar Sivil bagi tujuan penyelarasan pembayaran:

1. Han Cheow Kwang – Meninggal dunia pada 6 Januari 2016.
2. Hajah Hazizah binti Haji Abd Hamid – Meninggal dunia pada 24 Februari 2016.
3. Siti Norjariah binti Awang Haji Tengah – Meninggal dunia pada 3 Oktober 2017

Semua pihak yang berkenaan diminta hadir pada bila-bila masa sebelum Tarikh 31 Disember 2025.

Kehadiran adalah penting bagi memastikan proses penyelarasan dapat dilakukan dengan teratur dan mengikut ketetapan undang-undang.

Tarikh : 18 November 2025

Hajah Hazarena Binti POKSJD
Haji Abu Hurairah
Pemangku Pegawai Waris
Mahkamah Besar Sivil
Bandar Seri Begawan.



**KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Iklan Tarikh Lanjutan

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dalam**

Kelas:
Terbuka

Kategori:
Terbuka

Tarikh Buka Sebut Harga:
24 November 2025

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Isnin,
8 Disember 2025

**Tarikh Tutup Sebut Harga
Dilanjutkan :**
Selasa,
16 Disember 2025
Jam, 2.00 Petang

Bil.Tawaran:
KHEDN / LTK / 2025 - 10

Tajuk Projek:
Term Contract
(2 Years)
Pembaikan Gerai-Gerei
Di Bawah Kawalan
Jabatan-Jabatan Daerah

Bilangan Projek:
KHEDN / UPE / 2106 / 09

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)



**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran:
(147) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga:
(147) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026):
Mencetak Buku Kompilasi
Rencana Khas 50 Tahun KDYMM
Menaiki Takhta

Yuran:
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup:
Khamis, 18 Disember 2025
Jam 8.00 Pagi



**JABATAN PERANCANG
BANDAR DAN DESA**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Di Negara Brunei
Darussalam**

Bilangan Tawaran:
07 / 2025 / 2026

Tajuk Tawaran:
The Demolition, Removal & Dismantling Of Buildings And Structure For Department Of Town And Country Planning, Ministry Of Development, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Buka Tawaran dan Tempat Mengambil Dokumen Tawaran :
Rabu, 10 Disember 2025

Dokumen Tawaran Boleh Diperoleh Di :
Bahagian Penguatkuasa Akta, Tingkat 1
Bangunan Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Kementerian Pembangunan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Rabu, 31 Disember 2025,
sebelum jam 2.00 petang



**JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2025 – 2026 / 53

Tajuk Tawaran:
Health, Safety And Environment (HSE) Training For Tourism Service Providers

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis, 27 Januari 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk Memberi Sebut
Harga Jabatan Perkhidmatan
Elektrik Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / TRA / 111 / 2025

Tajuk Tawaran :
Selective Inspection Of Transmission Overhead Lines (Conductors, Towers, Etc.) And Wayleave Corridors Using Unmanned Aerial Vehicles (UAVS)

Tarikh Tutup:
20 Januari 2026 (Selasa 2.00 Petang)

Harga Dokumen:
BND50.00 (Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Peti Tawaran
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri, Lobi Utama, Aras 1, Bangunan Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan, BB3913, Negara Brunei Darussalam

Kelayakan:
Mempunyai Pendaftaran Syarikat Dengan Kementerian Pembangunan Dalam ROCBN

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Kaunter Unit Tawaran dan Sebut harga, Tingkat 4, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.



**Perintah Acara Mal
Mahkamah-Mahkamah Syariah
2005**

**Saman Gantian
Dalam Mahkamah Rendah
Syariah
Di Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam**

**Saman No. :
BM / MRS / MAL-A / P012A / 0812 /
10-2025**

**Kes Induk :
BM / MRS / MAL-B / S017A / 0728 /
10-2025**

Antara

**Muhammad Shahdun bin
Muhammad Esa
- Plaintiff / Pemohon**

Dan

**Hajah Siti Mariam binti Haji Pudin
- Defendan / Responden**

Kepada : **Hajah Siti Mariam binti Haji Pudin - No. Kad Pintar : 00-270349**, Beralamat (Alamat Terakhir) : **No. 6, Simpang 50, Jalan C, Perpindahan Mentiri, Jalan Kota Batu, Negara Brunei Darussalam**

Kamu adalah dengan ini disaman supaya hadir secara sendiri atau melalui Peguam Syarie kamu di hadapan Mahkamah Rendah Syariah Daerah Brunei dan Muara pada Isnin, 8 Rejab 1447H bersamaan / 29 Disember 2025M pada jam 9.00 Pagi untuk menjawab tuntutan terhadap kamu oleh plaintiff yang dinamakan di atas,

Memperkukuh hubungan akademik, memupuk kewarganegaraan global



SERAMAI 11 mahasiswa/i University of Western Australia (UWA) telah mengikuti pertukaran akademik dan budaya yang bermakna di Negara Brunei Darussalam melalui program berkenaan yang merupakan kerjasama sulung antara Universiti Brunei Darussalam dan UWA.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 Disember. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) melalui Global Discovery Programme (GDP) di bawah Pejabat Penolong Naib Canselor (Penglibatan Global), dengan bangganya melancarkan program jangka pendek selama empat minggu bersama University of Western

Australia (UWA), sekali gus mengalu-alukan kehadiran 11 mahasiswa/i untuk mengikuti pertukaran akademik dan budaya yang bermakna di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Bermula pada 16 November 2025, program berkenaan menawarkan pengalaman kepada mahasiswa/i UWA melalui pembelajaran berasaskan pengalaman, pemahaman silang budaya, serta pendedahan kepada warisan, budaya, dan biodiversiti NBD yang kaya.

Program berkenaan merupakan kerjasama sulung antara UBD dan UWA. Penyertaan para mahasiswa/i UWA menggariskan komitmen bersama kedua-dua buah institusi untuk mempromosi pertukaran pelajar, memperkukuh hubungan akademik, serta memupuk kewarganegaraan global.

Sepanjang program empat minggu berkenaan, para siswa/i terlibat dalam sesi akademik interaktif yang disampaikan oleh fakulti UBD, iaitu Akademi Pengajian Brunei, Fakulti Sains, dan Pusat Bahasa.

Sesi-sesi berkenaan turut dilengkapi dengan aktiviti kebudayaan dan lawatan lapangan yang dianjurkan, termasuk bengkel



CUACA DIRAMALKAN AKTIF SEHINGGA 16 DISEMBER INI

■ **Siaran Akhbar : Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam**

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Disember. - Negara Brunei Darussalam (NBD) pada masa ini berada dalam Monsun Timur Laut (MTL), yang lazimnya dijangka berterusan sehingga Mac 2026.

Keadaan cuaca aktif masih diramalkan berlaku sehingga Selasa, 16 Disember 2025. Hujan sekali-sekala lebat dan berpetir dijangka menjejaskan beberapa kawasan negara terutama pada waktu petang dan malam, serta berpotensi berlanjutan sehingga ke awal pagi keesokan hari.

Kelajuan angin dijangka boleh meningkat sehingga 45 kilometer sejam (kmsj) semasa atau dekat hujan lebat dan berpetir. Di perairan NBD, keadaan laut pada amnya berombak di paras sedikit ke sederhana, dengan ketinggian ombak antara 0.5 meter (m) hingga 1.5m.

Oleh itu, orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah awal akan kejadian cuaca aktif yang diramalkan berlaku. Terdapat risiko tinggi berlakunya banjir kilat atau banjir terutamanya di kawasan-kawasan rendah dan mudah banjir serta di kawasan berdekatan tebing sungai semasa hujan lebat yang berterusan dengan kejadian air pasang.

Kejadian tanah susur, pokok tumbang dan atap terbang juga boleh berlaku semasa hujan lebat dan keadaan berangin kencang. Keadaan laut di paras sederhana adalah berbahaya bagi semua bot bersaiz kecil, semua aktiviti rekreasi dan sukan laut.

Sehubungan dengan itu, orang ramai, para pemandu di jalan raya dan juga para pelaut adalah dinasihatkan supaya sentiasa peka dengan ramalan, nasihat dan amaran cuaca terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD) dan membuat perancangan yang bersesuaian untuk keselamatan semua.

BDMD akan terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa, dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika perlu. Maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi bimbit BDMD, iaitu Brunei WX.

Selain itu, maklumat cuaca terkini juga boleh diperoleh dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114, atau melayari laman sesawang www.met.gov.bn atau melalui laman Facebook (@bruneiweather), Instagram (@brunei.weather) dan saluran Telegram serta WhatsApp (Brunei Weather).

PUISI

Berakhir Satu Kenangan Bersamamu

Baru kelmarin aku bersapa denganmu...
senyum riamu menggigit benak jantungku...
kini semuanya telah berlalu
akhir sebuah cerita hidup...
yang tidak terduga... seolahnya aku bermimpi dalam igauan...
rupanya kau sudah tiada...
Sam... maafkan aku
sesungguhnya aku benar kehilanganmu...
walau aku reda atas panggilan Ilahi...
Innalillah hi wailaihi rajiun...
Tenanglah kau di sana...
Bawa ingatan soalan yang kau hadapi...
siapa nabimu...
Apa agamamu...
dan apa pedomanmu...
Ingatlah semua itu ...
jawab dengan tenang...
Agar rahmat-Nya selalu bersamamu...
Selamat jalan Sam...
Kami merindumu...
titisan air mata akan menjadi saksinya...

Nukilan
Haji Abdul Rahman bin Haji Chuchu
Simpang 71 Kampung Telisai

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam**

pencak silat yang dikendalikan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar.

Menerusi komponen akademik dan budaya berkenaan, GDP terus mengetengahkan tawaran unik UBD, menyediakan pelajar antarabangsa dengan pengalaman yang bermakna dan transformatif.

Semasa Majlis Perasmian, Timbalan Pengarah di Pejabat Penolong Naib Canselor (Penglibatan Global), UBD, Dr. Dayang Rosnah binti Abdullah, dalam ucapannya menekankan melalui GDP, UBD berhasrat untuk menyediakan peluang kepada pelajar antarabangsa untuk mempelajari tentang NBD, termasuk budaya, tradisi, alam sekitar, dan bahasa, melalui pendekatan secara mendalam.

Sementara itu, Profesor Madya

Dr. Yu Tao dari School of Social Sciences UWA pula menzahirkan penghargaan atas layanan mesra UBD dan menekankan bahawa program berkenaan menyediakan peluang yang tidak ternilai untuk para siswa/i UWA bagi memperdalam pemahaman mereka tentang warisan budaya NBD.

GDP merupakan inisiatif pertukaran pelajar *inbound* utama UBD, yang direka untuk menyediakan pelajar antarabangsa dengan pembelajaran akademik berasaskan pengalaman dan penghayatan budaya di NBD.

Untuk maklumat lanjut mengenai program jangka pendek UBD, layari laman sesawang www.ubd.edu.bn atau e-mel globaldiscovery.ga@ubd.edu.bn.



TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 1.'Ancaman Pencemaran Udara Terhadap Kesihatan Masyarakat'. Tarikh Tutup : 17 Disember 2025
- 2.'Memerangi Rasuah Dari Akar Umbi'. Tarikh Tutup : 24 Disember 2025
- 3.'Memperkasa Komuniti OKU: Membangun Masyarakat Inklusif'. Tarikh Tutup : 31 Disember 2025

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

2 SYARIKAT KENA KOMPAUN

■ **Siaran Akhbar : Jabatan Daerah Tutong**

TUTONG, Rabu, 10 Disember. - Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong telah mengeluarkan kompaun terhadap dua buah syarikat kerana didapati melanggar Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian 2021, (Penggai 30). Syarikat Dayang Damit dan

Rakan-rakan Sendirian Berhad telah melakukan kesalahan berkenaan di sepanjang Jalan Tutong sehingga Kampung Sungai Kelugos, Tutong, di bawah BAB 12 (1)(d), dan dikenakan denda sebanyak BND2,000. Sementara itu, Syarikat Raya



Jaya Sendirian Berhad melakukan kesalahan yang sama di Tapak Projek Kampung Sungai Kelugos, Tutong, di bawah Bab 12 (1)(f)(ii), juga dikenakan denda sebanyak BND2,000.

Sehubungan dengan itu, orang ramai dan masyarakat umum disarankan memberikan kerjasama dan seharusnya peka mengenai kesalahan-kesalahan yang boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian (Penggai 30) seperti gambar yang dipaparkan.

Jika gagal membayar denda tersebut dalam masa tujuh hari dari tarikh kompaun dikeluarkan makasayarikat tersebut boleh dihadapkan ke mahkamah dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang dari BND2,000 dan tidak melebihi BND10,000, manakala bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang dari BND10,000 dan tidak melebihi BND30,000; dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong ingin mengingatkan orang ramai, pihak syarikat dan pemilik premis-premis perniagaan agar sentiasa menjaga kebersihan alam sekitar, khususnya di kawasan premis-premis perniagaan dan juga kawasan awam dengan tidak membuang, melonggokkan atau meninggalkan apa jua jenis sampah sarap di tempat awam.

DUA buah syarikat di Daerah Tutong telah didapati melanggar Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian 2021, (Penggai 30) dan dikenakan kompaun oleh Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong.

Wang Cengkeram 2016-2024 sedia dituntut

■ **Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan**

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Disember. - Kementerian Kesihatan melalui Unit Kutipan Hasil, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) ingin memaklumkan bahawa terdapat sejumlah wang cengkeram (cagaran) wad persendirian bagi tempoh 2016 hingga 2024 yang masih belum diproses dan dituntut oleh pemiliknya.

Sebahagian permohonan pembayaran balik (*refund*) belum dapat diselesaikan kerana ketiadaan dokumen sokongan yang diperlukan.

Sehubungan dengan itu, para pemilik wang cengkeram diminta untuk mengemukakan dokumen berikut, iaitu salinan Kad Pengenalan, salinan penyata bank (*bank statement*), borang vendor yang lengkap (boleh dimuat turun melalui laman sesawang Kementerian Kewangan di pautan https://www.tafis.gov.bn/asset/document/Forms/DYMK_TAFIS_Vendor_Form%20V2.0.pdf atau diperoleh di Kaunter 15, Hospital RIPAS.

Pihak Unit Kutipan Hasil turut mendapati bahawa sebilangan pemilik wang cengkeram sukar dihubungi kerana nombor telefon yang direkodkan tidak lagi aktif atau tidak menerima panggilan.

Kementerian Kesihatan menyeru agar para pemilik yang tersenarai untuk segera mengemukakan dokumen sokongan yang diperlukan bagi melancarkan proses pembayaran balik.

Senarai nama pemilik wang cengkeram yang belum dituntut boleh diakses melalui laman sesawang Kementerian Kesihatan di pautan <https://moh.gov.bn/wp-content/uploads/2025/12/senarai-untuk-iklan.pdf>.

Orang ramai yang berkenaan bolehlah mengemukakan dokumen-dokumen berkenaan melalui e-mel revenue.ripash@moh.gov.bn dan melalui talian +673 2242424 sambungan 1004 (Unit Kutipan Hasil).

Kementerian Kesihatan menggalakkan semua 'pendeposit' yang terlibat untuk mengambil tindakan segera agar proses pembayaran balik dapat dilaksanakan dengan teratur dan efisien.

DARI MAHKAMAH

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Disember. - Seorang lelaki warga tempatan dijatuhkan hukuman penjara 26 bulan setelah mengaku bersalah di Mahkamah Majistret di sini hari ini atas pertuduhan melakukan peras ugut terhadap dua wanita pada September 2025 lepas.

Awang Mohammad Mazwan Safwan bin Jahari (defendan), 24 tahun didakwa dengan sengaja melakukan pemerasan berkenaan, dengan mendatangkan ketakutan kepada dua mangsa di dalam aplikasi media sosial TikTok.

Majistret Syaffina binti Shahif menjatuhkan hukuman terhadap defendan atas empat pertuduhan dibacakan terhadapnya.

Berdasarkan pertuduhan pertama, defendan didapati dengan sengaja melakukan pemerasan terhadap seorang wanita bernama Dayang A di media sosial TikTok pada 16 September 2025, dan defendan meminta gambar untuk tujuan pengesahan.

Dayang A kemudian menerima

satu mesej di TikTok daripada defendan yang mengugutnya supaya tidak menyekatnya, jika tidak, beliau akan menyebarkan gambar-gambar Dayang A berserta nombor telefonnya.

Defendan turut memberitahu Dayang A bahawa jika beliau tidak mahu gambar-gambarnya disebar, Dayang A perlu memenuhi tuntutan dengan menghantar gambar wajahnya sambil menyatakan perkataan tidak senonoh dan akan menyebarkannya.

Oleh kerana takut, Dayang A akur dan menghantar gambar yang menunjukkan wajahnya dengan memperlihatkan kedua-dua bahunya. Defendan turut meminta gambar yang menunjukkan pakaian dalam Dayang A, namun beliau enggan.

Dayang A kemudiannya menyekat akaun TikTok defendan dan memaklumkan perkara berkenaan kepada ibunya. Pada 16 September 2025, kira-kira jam 8.30 malam, Dayang A dan ibunya pergi ke Balai Polis Muara untuk membuat laporan.

Lelaki dipenjara 26 bulan atas kes peras ugut

■ **Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**

Siasatan pihak polis membawa kepada penahanan defendan. Siasatan lanjut turut mendedahkan bahawa defendan telah mengarahkan Dayang A untuk menghantar swafoto dan mengugut untuk menyebarkannya bagi menakut-nakutkan mangsa.

Manakala pada 18 November 2025, kira-kira jam 8.58 malam, seorang lagi mangsa, iaitu Dayang B juga menerima satu mesej daripada akaun TikTok defendan yang bernama 'muttwithrah', yang baharu sahaja dikenalnya. Defendan bertanya Dayang B bersekolah di mana, dan meminta beliau mengikut akaun Snapchat miliknya serta memberikan nombor telefon.

Dayang B menyatakan bahawa beliau menurut arahan defendan kerana takut gambar-gambarnya akan disebar. Oleh kerana berasa takut dan panik, beliau memaklumkan kejadian berkenaan kepada ibunya. Ibunya memeriksa aplikasi Telegram dan sempat membaca beberapa mesej sebelum mesej-mesej berkenaan hilang, dipercayai telah dipadam oleh defendan.

Bimbang bahawa gambar-gambar berkenaan akan disebar, Dayang B bersama kedua-dua ibu bapanya pergi ke Balai Polis untuk membuat laporan. Pada hari yang sama,

kira-kira jam 9.50 malam, Dayang B dan ibunya tiba di Balai Polis Sengkurong untuk membuat laporan tersebut.

Pada keesokan harinya, 20 November 2025, Dayang B terus menerima mesej ugutan daripada defendan, termasuk satu tangkap layar yang menunjukkan semua gambarnya.

Defendan kemudian mengarahkan Dayang B untuk menggunakan aplikasi Telegram dan menghantar gambar-gambar dirinya yang tidak senonoh. Bertindak kerana takut, Dayang B akur dan menghantar gambar-gambar berkenaan seperti yang diarahkan. Defendan terus mengeluarkan ugutan berulang kali sehingga Dayang B akhirnya enggan mematuhi, dan selepas itu, ugutan itu berhenti.

Defendan juga didapati mengarahkannya untuk mengambil pelbagai jenis swafoto. Dengan berbuat demikian, Dayang B juga menghantar gambar dirinya tanpa pakaian dalam yang diambil dari bahagian kepala hingga ke perut dengan bahagian dadanya ditutup menggunakan tangan kanannya. Melalui tindakan berkenaan, defendan telah memiliki gambar Dayang B yang tidak senonoh atau lucah.

Pada 19 November 2025,

defendan mengugut Dayang B selepas melihat komen negatif mengenai akaun TikTok defendan yang diposkan oleh salah seorang rakan Dayang B, dengan niat menakut-nakutkan beliau supaya menghantar gambar. Dayang B terpaksa menghantar beberapa gambar swafoto melalui Snapchat dan Telegram.

Defendan mengaku bahawa beliau telah mengarahkan Dayang B menghantar gambar seks untuk menakut-nakutkan beliau, namun mendakwa bahawa beliau tidak menyebarkan gambar-gambar berkenaan.

Manakala, pada 20 November 2025, defendan menghantar semula semua gambar Dayang B kepadanya melalui akaun TikTok beliau dan mengingatkan beliau supaya mematuhi arahan defendan bagi mengelakkan gambar-gambar berkenaan disebar. Defendan menakut-nakutkan Dayang B dengan mendakwa bahawa gambar-gambarnya telah disebar di sekolah, walaupun sebenarnya defendan tidak menyebarkannya dan hanya bertujuan untuk menakut-nakutkan dan mengugut mangsa.

Dalam rekod, defendan mempunyai sabitan kesalahan terdahulu. Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Nurulatikah binti Haji Husaini.

MERINTIS BUDAYA PENULISAN, PENYELIDIKAN PERINGKAT KEBANGSAAN



Siaran Akhbar dan Foto : Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

REPUBLIK INDONESIA, Rabu, 10 Disember. - Persidangan Antarabangsa mengenai Pendidikan Guru 2025 (ICOTE

2025) yang telah dianjurkan oleh Universiti Pendidikan Indonesia, Bandung, memberi tumpuan kepada pelbagai skop yang relevan

dalam bidang pendidikan.

Antaranya ialah kesaksamaan dalam pendidikan guru, inovasi dalam pedagogi, mengintegrasikan AI dan teknologi pendidikan; kelestarian dalam pembangunan guru, serta penyelarasan dasar

RA'ES Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan selaku Timbalan Pengerusi AsTEN, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani, hadir pada Majlis Perasmian ICOTE 2025 yang telah berlangsung di Grand Mercure Bandung Setiabudi, Kota Bandung, Republik Indonesia.

pendidikan guru.

Persidangan yang berlangsung pada 8 Disember 2025 di Grand Mercure Bandung Setiabudi itu diadakan seiring dengan Mesyuarat Ketua-ketua Persatuan Pendidikan Guru Asia Tenggara (AsTEN) Ke-20.

Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) selaku Timbalan Pengerusi AsTEN, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani, hadir pada Majlis Perasmian ICOTE 2025.

Turut hadir, Pengarah Pusat Latihan dan Peningkatan Kompetensi KUPU SB, selaku Pegawai Perhubungan KUPU SB-AsTEN, Dr. Kharhan bin Haji Jait; serta Ketua Unit Pengurusan Strategik dan Jaminan Kualiti KUPU SB, Awang Haji Mohammad

Khairul Azhar bin Idris.

Dua tenaga akademik KUPU SB turut menyertai ICOTE 2025 sebagai pembentang iaitu Penolong Kanan Profesor, Fakulti Pendidikan dan Sains Kemasyarakatan, Dr. Ahmad Yunus bin Kasim; serta Penolong Kanan Profesor, Pusat Pengajian Jawi dan Kitab Turath, Dr. Harapandi Dahri.

Bertemakan 'Reimagining Teacher Education: Equity, Innovation, and Sustainability', ICOTE 2025 dihadiri oleh ahli-ahli akademik serantau dan antarabangsa.

Penglibatan tenaga akademik KUPU SB khasnya dalam persidangan seumpamanya sudah pasti berupaya membawa mekanisme yang ideal kepada jaringan kerjasama penyelidikan, sekali gus menjadi platform yang ideal kepada perkongsian sumbangan akademik serta wacana ilmu yang berterusan.

Ia juga secara tidak langsung merintis budaya penulisan dan penyelidikan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa bagi keperluan masyarakat, negara dan ummah.

Memperkukuh semangat kesedaran pencegahan dadah, disiplin diri



SERAMAI 40 peserta yang terdiri daripada belia dan beliawanis masjid di bawah naungan Bahagian Hal Ehwal Belia, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah menyertai Lawatan Keagamaan ke BKN bagi Belia dan Beliawanis Masjid sempena Musim Cuti Penggal Persekolahan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Disember. - Kegiatan penyalahgunaan dadah merupakan antara isu sosial yang memberi kesan besar kepada masyarakat, khususnya generasi muda.

Sehubungan itu, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Hal Ehwal Belia dan Kumpulan Syababurroja, Belia Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong dengan kerjasama Biro Kawalan Narkotik (BKN) telah mengambil langkah inisiatif menganjurkan Lawatan Keagamaan ke BKN bagi Belia dan Beliawanis Masjid sempena Musim Cuti Penggal Persekolahan.

Antara objektif program ini diadakan adalah bagi memberi pendedahan kepada belia dan beliawanis mengenai bahaya penyalahgunaan dadah. Di samping menyemai kesedaran tentang pentingnya mematuhi

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

ajaran Islam dalam menjaga diri dan masyarakat.

Program lawatan ini juga dihasratkan bagi meningkatkan kefahaman terhadap peranan agensi kerajaan seperti BKN dalam membanteras penyalahgunaan dadah, sekali gus membina semangat keinsafan serta tanggungjawab sosial dalam kalangan para belia dan beliawanis.

Seramai 40 peserta yang terdiri daripada belia dan beliawanis masjid di bawah naungan Bahagian Hal Ehwal Belia, JHEM telah menyertai program lawatan tersebut. Turut mengikuti lawatan ialah Ketua Bahagian Hal Ehwal Belia, JHEM, KHEU, Awang Haji Yusli bin Haji Ashli.

Terdahulu, para peserta berpeluang mendengarkan tazkirah ringkas bertajuk "3B : Bangun, Berdiri, Bertindak" yang disampaikan oleh Awang

Mohammad Shair bin Samsudin daripada Kumpulan Belia Syababurroja, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, sebelum berangkat ke BKN.

Antara pengisian program lawatan tersebut merangkumi taklimat mengenai Pendidikan Pencegahan Dadah yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Narkotik II, Dayang Siti Mawarni binti Haji Bakar.

Para peserta turut berpeluang mendengarkan perkongsian pengalaman bersama rakan harmoni serta menyaksikan mini galeri pameran dadah yang berjaya dirampas.

Melalui pelaksanaan program ini, adalah diharapkan para peserta agar dapat mengambil iktibar daripada pengalaman yang diperoleh semasa lawatan serta memperkukuh semangat kesedaran pencegahan dadah dan disiplin diri.

MKM terima sumbangan



PENYERAHAN sumbangan bersama Timbalan Yang Dipertua Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM) 1 dan pemilik WW Mart, Lim. Turut hadir pada majlis penyerahan sumbangan berkenaan ialah Timbalan Yang Dipertua 2 MKM.

Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Kesejahteraan Masyarakat

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Disember. - Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM) menerima sumbangan berjumlah BND1,944 hasil jualan karya lukisan mural oleh 20 pelukis tempatan, yang berhasrat menyumbangkan kesemua harga belian kepada badan amal tempatan.

Pemilik WW Mart, Lim, telah membeli mural tersebut bagi menyokong hasrat murni para pelukis berkenaan.

Sumbangan itu diserahkan oleh beliau kepada Timbalan Yang Dipertua MKM 1, Awang Haji Laini bin Haji Majid, pada 8 Disember 2025.

Turut hadir pada majlis penyerahan sumbangan berkenaan ialah Timbalan Yang Dipertua 2 MKM, Awang Bolhassan bin Haji Abu Bakar, serta Dayang Zubaidah binti Dato Paduka Abu Zar.

Pembelian mural tersebut dibuat melalui jualan lelong semasa Pameran Seni Lukis "20-21", yang berinspirasi motif seni daripada pelukis veteran tempatan, Pengiran Dato Paduka Haji Asmalee bin Pengiran Haji Ahmad.

MKM dalam masa yang sama menyeru orang ramai untuk terus menghulurkan sumbangan bagi menambah dana yang diperlukan dalam melaksanakan pelbagai projek kebajikan khususnya bagi membantu golongan kurang berkemampuan di negara ini.

PUNCA-PUNCA MENYEBABKAN BERLAKUNYA RASUAH :

1. IMAN YANG LEMAH.
2. HATI DIPENUHI DENGAN SIFAT TAMAK.
3. SOSIOEKONOMI YANG TIDAK STABIL.
4. KELEMAHAN KEPIMPINAN, PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN.



Bersama belia membanteras rasuah

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim

Ilustrasi dan Infografik : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

PEMBANGUNAN sesebuah negara antara lain bergantung pada kestabilan ekonomi, urus tadbir yang berintegriti serta rakyat yang saling berganding bahu dalam memaju negara terbahit. Namun, pembangunan negara yang diharapkan akan menjadi pincang sekiranya amalan salah guna kuasa seperti rasuah dipraktikkan dalam sistem pentadbiran negara. Tahukah awda apa yang dimaksudkan dengan rasuah itu? Rasuah adalah suatu pemberian berupa sogokan yang diberikan kepada seseorang dengan sebab tertentu bagi membolehkan perkara yang dihajati dapat diperolehi, diselesaikan, disegerakan dan seumpamanya. Selain itu, perbuatan salah guna kuasa juga tersenarai antara kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131 yang membawa hukuman denda BND30,000 dan penjara tujuh tahun.

Isu rasuah sememangnya diambil serius oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Sempena menyambut Tahun Baharu Masihi 2008, Kebawah Duli Yang Maha Mulia ketika bertitah telah menekankan akan risiko mengamalkan rasuah dalam pembangunan negara.

"Jangan anggap 'rasuah kecil' tidak mengapa, tetapi ingatlah akan risikonya.

Kecil atau besar, sedikit atau banyak, adalah sama-sama bernama penyakit, yang boleh menjejaskan negara. Negara yang karam dengan rasuah adalah negara yang malang.

Oleh itu, dalam perutusan ini, beta ingin menekankan supaya kita menutup pintu rapat-rapat kepada rasuah. Apabila kita bersih daripada rasuah, Allah pasti memberkati kita dan negara, kerana bukannya Allah telah mengisytiharkan perang terhadap rasuah itu, sehingga barang siapa yang memberi atau menerimanya, orang itu akan dicampak ke neraka?" titah baginda.

Dalam hubungan ini, titah baginda lagi semua warga Perkhidmatan Awam turut memikul tanggungjawab bagi memastikan hasrat ini tercapai. Mereka tidak boleh lari dari memimpin dan memberikan kefahaman kepada rakyat tentang tanggungjawab ini. Dan sehubungan itu mereka juga mestilah menunjukkan contoh bahawa mereka adalah pengurus dan pentadbir yang betul-betul bersih. Manakala mereka itu bersih, bermakna kerajaan juga adalah bersih.

Sementara itu memetik Khutbah Jumaat pada 14 Jamadilakhir 1447 Hijrah / 5 Disember 2025 Masihi menyatakan bahawa sesungguhnya rasuah itu merupakan antara perbuatan yang keji dan dilarang dalam agama Islam. Individu yang memberi dan menerima rasuah itu bukan sahaja mendapat dosa besar, bahkan juga mendapat laknat Allah Subhanahu Wata'ala.

HARA

Tarikh 9 Disember merupakan tarikh bagi Sambutan Hari Anti Rasuah Antarabangsa (HARA) yang disambut setiap tahun bagi memperingati tarikh deklarasi United Nations Convention Against Corruption (UNCAC). Tarikh ini sangat penting kerana ia menandakan pencapaian negara-negara ahli dalam pelaksanaan undang-undang antarabangsa pertama menentang rasuah. Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menandatangani konvensyen berkenaan pada 11 Disember 2003 bersama 95 buah negara lain di Merida, Mexico dan pada 2 Disember 2008, NBD telah meratifikasikannya.

Sambutan HARA antara lain mempunyai objektif untuk meningkatkan kesedaran mengenai gejala jenayah rasuah dan peranan konvensyen dalam menentang dan mencegah rasuah. Sambutan tahun ini bertemakan 'Uniting with Youth Against Corruption : Shaping Tomorrow's Integrity' atau 'Bersatu Bersama Belia Membanteras Rasuah : Membentuk Integriti Hari Esok'. Kempen tahun ini juga menonjolkan peranan pemimpin muda yang berintegriti sebagai penyokong yang meningkatkan kesedaran tentang rasuah dan kesannya terhadap komuniti mereka. Selain itu kempen juga menampilkan suara para pemimpin integriti masa hadapan yang berkongsi pandangan mengenai kaitan antara jenayah terancang dan rasuah, peranan penting Kecerdasan Buatan (AI) dan teknologi baharu muncul, serta kaitan antara rasuah,

keamanan dan keselamatan sekali gus menunjukkan mengapa memerangi rasuah adalah penting untuk masa depan yang adil dan selamat.

Punca rasuah

Rasuah adalah perbuatan yang perlu dicegah dari peringkat awal lagi sebelum perbuatan itu menular dan sukar dibendung. Untuk mencegahnya, kita perlu tahu punca-punca yang menyebabkan rasuah itu berlaku iaitu iman yang lemah, hati dipenuhi dengan sifat tamak dan sosioekonomi yang tidak stabil. Selain itu rasuah juga berlaku disebabkan lemahnya kepimpinan, pengurusan dan pentadbiran yang boleh mengakibatkan terbukanya ruang-ruang berlakunya penyelewengan khususnya rasuah.

Memang tidak dinafikan lagi, jenayah rasuah adalah terlalu besar bahayanya sehingga melibatkan bangsa dan juga negara serta menjejaskan kualiti perkhidmatan. Oleh itu, selaku warga Perkhidmatan Awam, hindarkanlah diri, bangsa dan juga negara daripada gejala rasuah dengan sentiasa menanamkan sikap amanah, jujur dan ikhlas dalam setiap tugas dan pekerjaan yang diamanahkan. Sempena memperingati HARA yang disambut setiap 9 Disember, marilah kita menyemai nilai-nilai murni dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan di samping saling bekerjasama dan berganding bahu dalam memerangi gejala rasuah di negara ini.

KESALAHAN-KESALAHAN DI BAWAH AKTA PENCEGAHAN RASUAH PENGGAL 131

Bab 5 (a) (b) & Bab 6 (a) (b)

Cuba memperolehi, meminta, menerima, memberi, menawarkan, menjanjikan rasuah.

Bab 6 (c)

Menghadapkan atau menggunakan dokumen, resit atau akaun yang diketahuinya mengandungi keterangan tidak benar.

Bab 12

Memiliki harta yang tidak terjelus.

Bab 12 (a) & Bab 12 (b)

Salah laku di pejabat awam.

HUKUMAN : DENDA BND30,000 DAN PENJARA SELAMA 7 TAHUN



MAGHRIBI: ANGKA KORBAN RUNTUHAN BANGUNAN MENINGKAT KEPADA 22

RABAT, Maghribi, 11 Dis. - Angka korban akibat runtuhan dua bangunan kediaman di bandar Fez meningkat kepada 22 orang, menurut pihak pendakwa raya pada Rabu, lapor Xinhua.

Insiden berlaku lewat Selasa di kejiranan Al-Mustaqbal apabila sebuah bangunan kosong runtuh,

sekali gus menyebabkan bangunan empat tingkat bersebelahan turut runtuh, kata pendakwa raya.

Bangunan kedua itu menjadi lokasi majlis Aqiqah tradisional bagi meraikan kelahiran.

Wanita dan kanak-kanak antara yang terkorban. Seramai 16 lagi cedera, sebahagiannya parah.

Pihak berkuasa berkata angka korban mungkin meningkat berikutan operasi mencari dan menyelamatkan masih diteruskan.

Polis membuka kertas siasatan di bawah seliaan pendakwa raya bagi mengenal pasti punca runtuhan itu.

Penemuan awal menunjukkan kedua-dua bangunan itu dibina pada 2006.

Tragedi ini sekali lagi mencetuskan kebimbangan mengenai keselamatan bangunan di Maghribi.

Pada Januari lalu, Setiausaha Negara bagi Perumahan Adib Ben Ibrahim menyatakan kira-kira 38,800 bangunan di seluruh negara berisiko runtuh.

Fez, bandar ketiga terbesar di Maghribi menyaksikan beberapa

siri protes sejak kebelakangan ini berhubung keadaan hidup yang daif dan perkhidmatan awam yang terhad.

Runtuhan kali ini merupakan antara insiden paling buruk sejak kejadian sebuah menara runtuh di bandar bersejarah Meknes pada 2010 yang meragut 41 nyawa. - ©BERNAMA

Hujan lebat tenggelamkan ribuan khemah di Gaza

GAZA CITY/ISTANBUL, 11 Dis. - Hujan lebat pada Rabu menenggelamkan ribuan khemah yang menempatkan orang awam di Gaza, lapor Anadolu Ajansi memetik saksi.

Hujan bermula sebelum subuh dan menenggelamkan ribuan khemah di beberapa kawasan dalam wilayah terkepung itu.

Menurut wartawan Anadolu, paras air melebihi 40 sentimeter di dalam sesetengah khemah.

Jurucakap Pertahanan Awam, Mahmoud Basal memberi amaran dalam satu kenyataan video mengenai "bencana kemanusiaan yang bakal berlaku" akibat cuaca buruk ketika ini.

Menurut ramalan, hujan dijangka berterusan di Gaza sehingga Jumaat.

Basal berkata bantuan yang masuk ke Gaza masih jauh

daripada mencukupi untuk memenuhi keperluan 2.4 juta penduduk sambil menyeru tindakan segera komuniti antarabangsa.

"Kami menerima lebih 1,000 rayuan sejak pagi ini daripada keluarga yang khemah mereka ditenggelami air.

"Waktu mendatang akan menjadi sukar bagi orang awam di pusat perlindungan, dengan hujan yang dijangka lebih lebat berbanding awal pagi Rabu," katanya.

Beliau memberi amaran bahawa lebih 250,000 keluarga di kem-kem pelarian seluruh Gaza terdedah kepada cuaca sejuk dan limpahan air hujan.

Jurucakap itu turut merayu penyelesaian segera dan alternatif kepada khemah yang koyak akibat hujan, termasuk penyediaan rumah mudah alih bagi memberi

perlindungan asas kepada mereka.

Jurucakap Perbandaran Gaza Hosni Mahna memberitahu Anadolu bahawa wilayah itu mengalami keruntuhan infrastruktur secara meluas, khususnya selepas tujuh daripada lapan stesen pam kumbahan utama musnah akibat serangan Israel, meningkatkan kadar kerosakan sistem pam kepada 90 peratus.

Beliau menjelaskan bahawa keupayaan untuk mengalirkan air hujan melalui stesen pam dan rangkaian merosot sebanyak 80 peratus, manakala pasukan perbandaran hanya beroperasi dengan 15 peratus peralatan lama susulan kekurangan bahan api yang berterusan.

"Longgokan runtuhan di jalan-jalan Gaza menghalang aliran air hujan menuju ke

longgang," katanya lagi.

Menurut data terdahulu daripada pejabat media kerajaan, Gaza memerlukan sekitar 300,000 khemah dan unit rumah pasang siap bagi memenuhi keperluan perlindungan asas rakyat Palestin selepas infrastruktur dimusnahkan Israel sepanjang dua tahun perang.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa

Bersatu (PBB) menganggarkan kos pembinaan semula Gaza mencecah kira-kira US\$70 bilion akibat perang Israel yang meragut lebih 70,000 nyawa rakyat Palestin dan mencederakan lebih 171,000 orang.

Serangan itu terhenti selepas perjanjian gencatan senjata berkuat kuasa pada 10 Oktober. - ©BERNAMA

EU salur bantuan banjir US\$2.4 juta kepada Sri Lanka, Republik Indonesia dan Thailand - Suruhanjaya EU

MOSCOW, 10 Dis. - Kesatuan Eropah (EU) telah menyalurkan 2.1 juta (US\$2.4 juta) sebagai bantuan kecemasan bagi mangsa banjir di Sri Lanka, Republik Indonesia dan Thailand, menurut Suruhanjaya Eropah pada Selasa, lapor Sputnik/RIA Novosti.

"Sebagai respons terhadap banjir dahsyat yang melanda Sri Lanka, Indonesia dan Thailand, EU telah menyalurkan 2.1 juta dalam bantuan kecemasan bagi kawasan yang paling terjejas. Pembiayaan ini bertujuan menyediakan bantuan

penting kepada komuniti yang paling rentan," menurut kenyataan itu.

Sebanyak 1.5 juta akan menyokong usaha bantuan di Sri Lanka, termasuk 500,000 yang disalurkan melalui Tabung Kecemasan Tindak Balas Bencana Persekutuan Antarabangsa Palang Merah dan Bulan Sabit Merah, menurut kenyataan itu. Tambahan 600,000 akan membantu rakan kemanusiaan di Republik Indonesia dan Thailand, diagihkan sama rata antara

kedua-dua negara, kata suruhanjaya itu.

Banjir teruk di seluruh Asia Selatan dan Asia Tenggara pada November dan Disember tahun ini menyebabkan perpindahan besar-besaran serta kerosakan infrastruktur yang meluas, sekali gus membebankan ekonomi negara dan sistem tindak balas bencana. Angka korban meningkat kepada 950 di Republik Indonesia, melebihi 600 di Sri Lanka dan sekurang-kurangnya 276 di Thailand. - ©BERNAMA

UNESCO klasifikasikan 11 tradisi budaya sebagai terancam

NEW DELHI, Republik India, 10 Dis. - Jawatankuasa Antara Kerajaan UNESCO bagi Perlindungan Warisan Budaya Tidak Ketara mengklasifikasikan kraftangan seramik purba Naiupo dari Paraguay serta 10 amalan budaya lain sebagai terancam, lapor agensi berita Republik Persekutuan Jerman dpa.

Pada mesyuarat tahunan di ibu negara Republik India, New Delhi, pada Selasa, jawatankuasa organisasi kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu itu memutuskan untuk menyenaraikan 11 kemahiran dan bentuk budaya tersebut dalam Senarai Warisan Budaya Tidak Ketara yang memerlukan

perlindungan segera.

Senarai itu merangkumi alat muzik tradisional bertali dari Balkan yang dikenali sebagai Gusle dan kemahiran bermainnya.

Unsur lain termasuk tarian kerohanian Mwazindika masyarakat Daidadi Kenya dan teknik pembinaan rumah luar bandar jenis quinchayag diperbuat daripada tanah liat di Panama.

Yodel Switzerland dicalonkan sebagai warisan budaya.

Menurut komuniti dan negara yang terjejas, tradisi tersebut memerlukan langkah segera untuk memastikan ia terus hidup, menurut laman sesawang UNESCO.

Penyertaan dalam senarai warisan budaya yang memerlukan perlindungan segera itu bertujuan membantu mereka mendapatkan sokongan antarabangsa.

Sesi ke-20 jawatankuasa berkenaan akan berlangsung sehingga Sabtu. Persidangan selama seminggu itu memberi tumpuan kepada kemasukan ke dalam satu daripada tiga senarai warisan budaya.

Tahun ini, pakar turut menilai 55 pencalonan untuk Senarai Warisan Budaya Tidak Ketara Kemanusiaan, termasuk yodel di Switzerland, selain satu cadangan untuk Daftar Amalan Perlindungan Baik, menurut UNESCO. - ©BERNAMA

Perkhidmatan kereta api laju di timur laut Jepun disambung semula selepas gempa bumi

TOKYO, 10 Dis. - Perkhidmatan kereta api laju yang menghubungkan Tokyo dan wilayah timur laut Jepun disambung semula pada petang Selasa selepas operasi digantung sebahagiannya sejak awal pagi bagi membolehkan pemeriksaan keselamatan susulan gempa bumi kuat yang menggagalkan Wilayah Aomori dan kawasan sekitar malam sebelumnya, lapor Kyodo News.

Laluan Shinkansen Tohoku ditutup antara Morioka di Wilayah Iwate dan Shin-Aomori di wilayah berjiran Aomori, sebelum operasi disambung semula sekitar 3.40 petang, menurut pengendali JR East.

Sebanyak 26 tren digantung perkhidmatan dan sembilan lagi mengalami kelewatan sehingga 71 minit, menjejaskan kira-kira 17,000 penumpang, menurut syarikat itu.

Susulan gempa bumi bermagnitud 7.5 lewat Isnin, kira-kira 60 penumpang terkandas dan bermalam di dalam tren sebelum mereka dipindahkan dengan bas pada Selasa pagi. Tiada kecederaan dilaporkan. - ©BERNAMA

Angka kematian akibat denggi di Republik Rakyat Bangladesh melebihi 400 pada 2025

DHAKA, 10 Dis. - Wabak denggi meragut 401 nyawa setakat tahun ini di Republik Rakyat Bangladesh, menurut data Jabatan Kesihatan pada Rabu, lapor Xinhua.

Menurut data yang dikeluarkan oleh Direktorat Jeneral Perkhidmatan Kesihatan (DGHS) di bawah Kementerian Kesihatan, jumlah kes demam denggi merekodkan 98,705 sejak Januari di negara Asia Selatan itu.

Republik Rakyat Bangladesh mencatatkan tiga kematian lagi dan 421 kes denggi baharu dalam tempoh 24 jam sehingga 8 pagi waktu tempatan pada Rabu.

Menurut DGHS, jumlah kematian akibat denggi setakat ini ialah 401, termasuk 19 pada Disember, 104 pada November dan 80 pada Oktober.

Sehingga kini, sebanyak 4,308 kes denggi direkodkan pada Disember, berbanding 24,535 pada November.

Bagi membendung peningkatan kes denggi, pihak berkuasa kesihatan Republik Rakyat Bangladesh memperkuatkan langkah mengawal pembiakan nyamuk serta menjalankan operasi antilarya.

Demam denggi ialah penyakit virus yang disebarkan melalui nyamuk Aedes yang dijangkiti.

Penyakit ini menyebabkan simptom akut seperti sakit kepala, demam panas, keletihan, sakit otot dan sendi yang teruk, kelenjar bengkak, muntah serta ruam kulit. - ©BERNAMA

EKONOMI REPUBLIK PERSEKUTUAN JERMAN DIJANGKA BERKEMBANG



ORANG ramai melawat zon pameran BMW di Open Space IAA Mobility 2025 di Munich, Republik Persekutuan Jerman, 11 September 2025. (Xinhua/Zhang Fan)

BERLIN, 12 Dis. — Republik Persekutuan Jerman kini berhadapan tekanan yang lebih ketara daripada jangkaan akibat peningkatan tarif oleh Amerika Syarikat, menurut beberapa institusi penyelidikan terkemuka pada Khamis. Mereka kini menjangkakan ekonomi negara itu hanya akan berkembang sebanyak 0.1 peratus pada 2025, iaitu 0.1 mata peratusan lebih rendah berbanding ramalan mereka semasa musim luruh.

Menurut Ramalan Ekonomi Musim Sejuk 2025 ifo dan Ramalan Musim Sejuk Institut Kiel, penurunan unjuran berkenaan adalah disebabkan kejatuhan

eksport ke Amerika Syarikat berikutan peningkatan tarif, di samping impak terhad daripada langkah fiskal Berlin termasuk pembiayaan infrastruktur bernilai berbilion euro yang diumumkan pada awal tahun ini.

Secara keseluruhan, eksport Republik Persekutuan Jerman dijangka menurun 0.2 peratus pada 2025, dengan penghantaran ke Amerika Syarikat mencatat kejatuhan paling ketara. Institut Kiel bagi Ekonomi Dunia berkata kejatuhan ini berpunca daripada pertikaian perdagangan yang didorong oleh tarif serta kemerosotan daya saing Republik Persekutuan Jerman.

Secara domestik, ekonomi Republik Persekutuan Jerman sedang melalui proses transformasi struktur yang meluas. Pakej fiskal kerajaan persekutuan, yang merangkumi pembiayaan infrastruktur tersebut dan peningkatan ketara dalam perbelanjaan pertahanan, pada mulanya meningkatkan sentimen perniagaan. Namun keyakinan itu kembali merosot menjelang akhir tahun kerana rangsangan yang dijanjikan masih belum direalisasikan.

Keputusan dasar ekonomi yang diambil setakat ini dijangka hanya memberikan rangsangan sementara dan tidak mampu meningkatkan keluaran potensi mahupun mempercepat pertumbuhan potensi, menurut Institut ifo. Selain itu, tarif Amerika Syarikat yang lebih tinggi terus menjejaskan industri Republik Persekutuan Jerman.

Selepas penilaian semula prospek pengeluaran, ifo kini menjangkakan ekonomi terbesar Eropah itu cuma akan berkembang 0.8 peratus pada 2026 dan 1.1 peratus pada 2027. Kedua-dua angka tersebut diturunkan

sebanyak 0.5 mata peratusan berbanding ramalan musim luruh.

Sejak ramalan musim bunga, institusi-institusi berkenaan telah berulang kali menurunkan anggaran pertumbuhan mereka sebagai tindak balas terhadap langkah tarif Amerika Syarikat. Dengan sektor eksport berada di bawah tekanan berat, keluaran dalam negara kasar suku tahunan menurun sebanyak 0.2 peratus

pada suku kedua selepas peningkatan 0.3 peratus pada permulaan tahun, sebelum mengalami keadaan mendatar pada suku ketiga.

"Meskipun menjelang akhir tahun, tiada tanda-tanda pemulihan ketara dapat dilihat," menurut Institut bagi Penyelidikan Ekonomi Leibniz. - ©XINHUA

Gelombang selesema jejakan kapasiti hospital UK

BIRMINGHAM (England), 12 Dis. - Kemasukan pesakit ke hospital akibat selesema di United Kingdom (UK) melonjak lebih 50 peratus dalam seminggu, mengakibatkan Perkhidmatan Kesihatan Kebangsaan (NHS) berdepan apa yang digambarkan pegawai sebagai "senario terburuk" bagi Disember, lapor Anadolu Ajansi.

Data terbaharu NHS yang dikeluarkan pada Khamis menunjukkan purata 2,660 pesakit sehari dirawat di hospital akibat selesema minggu lalu iaitu angka tertinggi pernah dicatatkan untuk tempoh ini pada musim sejuk dan peningkatan 55 peratus berbanding minggu sebelumnya. Jumlah itu bersamaan kapasiti lebih tiga hospital bersaiz sederhana setiap hari.

Pemimpin NHS berkata keadaan terus merosot selepas tempoh pelaporan berakhir, dengan tiada tanda jangkitan mencapai kemuncak. Kes norovirus turut meningkat dengan ketara, melibatkan 354 pesakit memenuhi katil hospital setiap hari minggu lalu, peningkatan 35 peratus.

Lonjakan ini berlaku ketika kehadiran di Jabatan Kemalangan dan Kecemasan mencapai rekod 2.35 juta pada November manakala permintaan untuk perkhidmatan ambulans meningkat kepada 802,525 iaitu hampir 49,000 lebih daripada tahun sebelumnya.

Tekanan dijangka bertambah apabila doktor residen bersedia untuk mogok lima hari bermula 17 Disember, mencetuskan kebimbangan gangguan perkhidmatan menjelang Krismas.

Pengarah Perubatan Kebangsaan NHS Profesor Meghana Pandit berkata gabungan jumlah pesakit tertinggi pernah direkodkan, peningkatan kes selesema dan tindakan industri menekan kakitangan "hingga ke tahap maksimum".

"Dengan hanya seminggu lagi untuk membina imuniti maksimum sebelum Krismas, saya menggesa sesiapa sahaja yang layak mendapat vaksin selesema untuk menempah janji temu," kata Pandit.

Setakat ini, 17.4 juta orang menerima suntikan selesema, kira-kira 170,000 lebih daripada tempoh yang sama tahun lalu. Lebih 60,000 kakitangan barisan hadapan tambahan juga divaksin.

Setiausaha Kesihatan Wes Streeting memberi amaran tentang "gelombang besar selesema" yang melanda hospital dan menggesa doktor residen untuk menerima tawaran gaji terbaharu kerajaan bagi mengelakkan gangguan lanjut.

NHS berkata pesakit harus menghadiri janji temu seperti yang dijadualkan melainkan dinasihatkan sebaliknya dan menggunakan talian 111 untuk keperluan mendesak tetapi bukan kecemasan. Jabatan Kecemasan dan perkhidmatan 999 akan terus beroperasi seperti biasa. - ©BERNAMA

AS rampas minyak daripada kapal di perairan Venezuela

WASHINGTON, 12 Dis. - Pentadbiran Trump berhasrat merampas minyak daripada sebuah kapal tangki yang ditahan di perairan Venezuela, kata Rumah Putih pada Khamis ketika ketegangan dengan Caracas memuncak, lapor Anadolu Ajansi.

Jurucakap Karoline Leavitt mempertahankan tindakan AS dengan menyatakan bahawa kapal tangki itu merupakan "kapal yang beroperasi secara tersembunyi dan tertakluk kepada sekatan", dan "dikenali membawa minyak pasaran gelap" kepada Kor Pengawal Revolusi Islam Iran.

"Presiden komited untuk menghentikan aliran dadah haram ke negara kita. Beliau juga komited sepenuhnya melaksanakan dasar sekatan pentadbiran ini.

"Itulah yang anda dan dunia lihat berlaku semalam," katanya. Penyiasat kini berada di atas kapal berkenaan, dan individu yang berada di atasnya "sedang ditemu bual dan sebarang bukti berkaitan sedang diperiksa".

Kapal itu sedang dibawa ke sebuah pelabuhan AS dan pentadbiran Trump bercadang memulakan prosiding undang-undang untuk merampas kargo secara rasmi.

Peguam Negara AS Pam Bondi berkata pada Rabu bahawa FBI, Siasatan Keselamatan Dalam Negeri (HSI) dan Pengawal Pantai AS, dengan sokongan Jabatan Pertahanan, melaksanakan waran rampasan terhadap kapal tangki itu yang didakwa digunakan untuk mengangkut minyak yang disekat dari Venezuela dan Republik Islam Iran.

Menteri Luar Venezuela Yvan Gil dalam kenyataan pada Rabu berkata negara itu "mengecam tindakan curi dan lanun antarabangsa secara terang-terangan", yang diumumkan secara terbuka oleh Presiden Amerika Syarikat.

Beliau berkata ini bukan kejadian pertama dan menuduh pentadbiran Trump melaksanakan operasi terancang untuk merampas sumber tenaga Venezuela, sambil menyatakan bahawa Trump "secara terbuka menyatakan semasa kempen 2024 bahawa matlamatnya sentiasa untuk mengambil minyak Venezuela tanpa membayar apa-apa".

Tindakan itu hampir pasti mencetuskan ketegangan yang lebih serius dengan Caracas ketika Trump terus menuntut Presiden Venezuela Nicolas Maduro berundur. - ©BERNAMA

Washington arah 100,000 penduduk berpindah ketika banjir landa sungai Skagit, Snohomish

ISTANBUL, 12 Dis. - Washington pada Khamis mengarahkan 100,000 penduduk berpindah ketika banjir besar terus melanda bahagian barat negeri itu, dengan kesan paling buruk di sepanjang Sungai Skagit dan Snohomish, lapor Anadolu Ajansi.

"Kami menjangkakan sehingga 100,000 penduduk Washington berdepan arahan pemindahan," kata Gabenor Bob Ferguson sambil mengisytiharkan darurat di seluruh negeri.

Daerah Skagit mengeluarkan arahan pemindahan Tahap Tiga untuk semua penduduk di kawasan

dataran Sungai Skagit, menggesa mereka berpindah ke kawasan lebih tinggi serta-merta.

Daerah Skagit turut menutup semua perkhidmatan kerajaan tidak penting termasuk mahkamah daerah dan mahkamah tinggi.

Perkhidmatan penting termasuk pengurusan kecemasan, keselamatan awam dan penyelenggaraan jalan terus beroperasi.

Anggota Pengawal Kebangsaan Washington kini mengisi beg pasir bagi membantu pihak penyelamat yang memberi sokongan kepada penduduk terjejas.

Eastside Fire and Rescue menyelamatkan kira-kira 20 penduduk yang terperangkap di rumah atau kenderaan sejak 24 hingga 48 jam lalu, lapor Seattle Times.

Seluruh delegasi Kongres Washington turut menggesa Presiden Donald Trump meluluskan pengisytiharan darurat segera bagi menangani banjir itu.

Penduduk dinasihatkan mengelak perjalanan yang tidak perlu, mengikuti pengumuman rasmi dan mematuhi arahan keselamatan serta pemindahan. - ©BERNAMA

PBB beri amaran banjir ancam 40 peratus Gaza

HAMILTON (Kanada), 12 Dis. - Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) memberi amaran pada Khamis bahawa banjir di ratusan tapak pelarian di Gaza meningkatkan risiko terhadap hampir separuh penduduk wilayah itu, dengan hujan lebat memburukkan lagi keadaan, lapor Anadolu Ajansi.

"Hujan lebat menenggelamkan khemah, membasahi barangan peribadi dan meningkatkan risiko kesihatan termasuk hipotermia dalam kalangan bayi serta penyakit berkaitan limpahan kumbahan," kata jurucakap PBB Farhan Haq pada sidang media, memetik Pejabat Penyelarasan Hal Ehwal Kemanusiaan (OCHA).

"Hari ini, pasukan kami di lapangan menubuhkan sistem tindak balas pantas bersama terhadap amaran banjir," katanya.

Beliau turut memaklumkan bahawa agensi PBB dan pertubuhan bukan kerajaan sedang mengagihkan khemah, kanvas, pakaian tebal, selimut dan kit kebersihan di seluruh Gaza.

Beliau menyatakan bahawa sistem tindak balas pantas itu telah

"memproses lebih 160 amaran banjir" sejak awal Khamis.

Menjelaskan usaha rakan-rakan kemanusiaan membantu keluarga membuat persiapan, Haq berkata mereka mengagihkan guni tepung kosong untuk dijadikan benteng pasir, selain menyediakan alatan dan pasir jika berkemampuan.

"Berdasarkan analisis risiko banjir, lebih 760 tapak pelarian yang menempatkan kira-kira 850,000 orang berada pada tahap risiko tertinggi.

"Itu merangkumi kira-kira 40 peratus populasi Gaza," katanya.

Haq menegaskan "keperluan yang amat besar", sambil menyatakan bahawa sekatan ke atas operasi kemanusiaan mesti diringankan atau dihentikan.

"Ini termasuk menamatkan larangan berterusan terhadap kebanyakan NGO antarabangsa dan UNRWA, yang terus berkhidmat kepada komuniti walaupun beroperasi di bawah kekangan serius yang menghalang usaha memperluas bantuan," katanya.

Beliau turut menekankan keperluan membuka lebih banyak laluan dan lintasan bagi membawa pelbagai jenis bantuan ke Gaza.

Sejak Rabu, ribuan khemah yang menempatkan mangsa perang Israel bertukar menjadi takungan air, merosakkan tilam, pakaian dan bekalan makanan, serta menyebabkan ratusan keluarga Palestin terdedah kepada cuaca sejuk tanpa perlindungan mencukupi.

Penilaian awal menunjukkan Gaza memerlukan sekitar 300,000 khemah dan unit perumahan pasapir siap bagi memenuhi keperluan asas selepas kemusnahan infrastruktur akibat serangan Israel selama dua tahun.

PBB menganggarkan kos pembinaan semula Gaza mencecah kira-kira US\$70 bilion.

Israel telah membunuh lebih 70,000 rakyat Palestin dan mencederakan lebih 171,000 orang di Gaza sejak Oktober 2023. Serangan itu terhenti selepas perjanjian gencatan senjata yang berkuat kuasa dua bulan lalu. - ©BERNAMA

MERAIH pingat emas merupakan satu pencapaian yang membanggakan dan ia mampu meningkatkan keyakinan dan motivasi atlet pelajar untuk terus mencapai kecemerlangan di kejohanan akan datang. Pencapaian ini juga adalah salah satu pengalaman yang berharga buat atlet pelajar untuk membuat persediaan rapi bagi kejohanan yang lebih tinggi lagi.

Namun, untuk mencapai kecemerlangan ini apa yang penting adalah disiplin yang sangat tinggi dan kerajinan untuk datang latihan dan juga kelakuan yang baik serta sentiasa mengikut perancangan jurulatih.

Begitulah perasaan dan harapan Ketua Jurulatih Wushu Negara Brunei Darussalam (NBD), Li Hui selepas pasukan wushu negara berjaya meraih empat pingat emas dalam Kejohanan Sukan Sekolah-sekolah ASEAN Ke-14 (ASG14) Tahun 2025.

Dalam 1st International Routine Nanquan + Nandao Perempuan, pingat emas dimenangi oleh Wan Xin Lim manakala dalam 1st International Routine Nanquan + Nangun Lelaki, pingat emas dikutip oleh Abel Wee Yuen Lim.

Bagi Chuji Nanquan + Nandao Perempuan, pingat emas diraih oleh Gwen Yen Xi Lee dan Meagan Marie Keasberry berjaya meraih pingat emas dalam 24 Form Taijiquan + 32 Form Taijijian Perempuan.

Pencapaian membanggakan ini setentunya memerlukan usaha dan kerja keras daripada atlet pelajar dan barisan jurulatih pasukan wushu negara.

Menurut Li Hui, untuk atlet wushu ini, barisan kejurulatihan mengharap para atlet pelajar memiliki tahap disiplin yang tinggi dan semangat patriotisme yang padu untuk menyumbang kepada negara dan para atlet pelajar perlu untuk hadir setiap kali sesi latihan, kerana itu adalah keperluan asas sebagai seorang atlet.

Sebagai jurulatih, beliau berharap semua atlet mampu meraih keputusan yang baik dan ini memberikan satu hadiah yang istimewa selepas berusaha keras sepanjang sesi latihan.

Perasaan gembira itu juga diluahkan oleh Guru Kanan Pentadbiran Sukan, Sekolah Sukan, Awang Muhammad Ali Rashid bin Haji Mohammad Alipah selaku Ketua Jurulatih Pencak Silat ASG14.

Selaku Ketua Jurulatih Pencak Silat NBD, beliau merasa bangga dengan prestasi yang ditunjukkan oleh pasukan pencak silat NBD. Mereka telah memperlihatkan semangat juang dan sepasukan yang tinggi, sentiasa saling memberi sokongan serta dorongan antara satu sama lain. Hasil daripada usaha gigih tersebut, pasukan berjaya membawa pulang empat pingat perak dan enam



Kerja keras, semangat berpasukan kunci kejayaan



Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman

Foto : Jabatan Penerangan, Ihsan Li Hui, Mohammad Zulfadli Zainidi

pingat gangsa.

Beliau mengongsikan, pada ASG13 Tahun 2024, pasukan pencak silat NBD hanya menyertai lapan acara dan memperoleh satu pingat perak serta satu gangsa, kadar pungutan pingat sebanyak 25 peratus. Tahun ini, daripada 15 acara yang disertai, kita berjaya meraih empat perak dan enam gangsa, dengan kadar pungutan pingat meningkat kepada 66.7 peratus. Walaupun belum berjaya mencapai pingat emas, beliau amat bersyukur dan berpuas hati dengan peningkatan prestasi ini.

Faktor utama kejayaan ini, tambah beliau ialah kerjasama erat antara semua pihak berkepentingan iaitu jurulatih-jurulatih peringkat daerah yang membimbing pesilat sejak peringkat awal, jurulatih kebangsaan Seni dan Tanding yang berkongsi ilmu kepakaran, serta ahli pasukan kebangsaan dan skim daerah yang menjadi sumber semangat dan membantu dalam persiapan pasukan ASG.

Tidak dilupakan juga sokongan besar daripada ibu bapa, penjaga, keluarga dan guru-guru yang sentiasa memberikan dorongan dan doa, serta bantuan daripada pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, khususnya Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang menyediakan prasarana dan keperluan latihan sepanjang tempoh persiapan dan pertandingan.

Untuk ke depannya, beliau

berharap semua pesilat yang mewakili pasukan ASG14 kali ini berpeluang untuk menyertai ASG15 di Republik Indonesia tahun hadapan, sekiranya masih memenuhi syarat umur. Bagi mereka yang telah melepasi had umur, jurulatih kebangsaan telah menyatakan hasrat untuk membawa mereka menyertai skim latihan pasukan kebangsaan sebagai persediaan menuju temasya peringkat senior seperti Sukan SEA.

Beliau juga berpandangan, apa yang diperlukan kini ialah lebih banyak peluang penyertaan dalam kejohanan-kejohanan serantau yang setaraf dengan ASG. Pengalaman ini penting untuk menguji kemampuan mereka, mengenal pasti kekuatan dan kelemahan, serta membina keyakinan diri agar bersedia menghadapi pihak lawan dari mana-mana negara.

Dalam kejohanan ASG14 ini juga, pasukan badminton NBD berjaya meraih pingat gangsa melalui acara Berpasukan Lelaki.

Menurut jurulatih pasukan badminton NBD, Awang Mohammad Zulfadli bin Zainidi, beliau teruja dengan perkembangan atlet pelajar selepas meraih pingat gangsa dan aspek penting yang menyumbangkan kepada pencapaian ini adalah sentiasa menjalani latihan yang konsisten dan berkualiti serta para atlet pelajar menunjukkan komitmen dan disiplin yang tinggi serta tahap

mentaliti yang baik.

Bagi memastikan ketahanan mental yang optima, Awang Mohammad Zulfadli mengongsikan, langkah yang dibuat adalah dengan mengadakan sesi motivasi dan komunikasi positif secara individu dan berkumpulan untuk memberikan keyakinan kepada para atlet dan sentiasa positif. Dari segi kerjasama antara jurulatih, atlet dan pasukan yang setentunya memberi impak kepada pencapaian ini, menurut beliau kerjasama sepasukan sangat penting iaitu dengan merancang program latihan yang sesuai, sokongan moral dan motivasi, komunikasi yang jelas antara jurulatih dengan atlet, ditambah dengan pencorakan strategi dan taktikal yang dibuat dalam latihan dan sebelum perlawanan dapat memberi impak yang positif kepada atlet.

Untuk langkah seterusnya, barisan kejurulatihan akan menganalisis permainan atlet sepanjang pertandingan, iaitu menilai kekuatan dan kekurangan atlet untuk

memperbaiki diri untuk kejohanan akan datang.

Dalam pada itu juga, pasukan jurulatih akan menyusun latihan yang rapi dan berterusan iaitu meningkatkan latihan kemahiran teknikal, kecergasan fizikal, mencorak strategi permainan atlet dan memastikan mereka terus motivasi untuk berlatih. Selain itu, pendedahan serta pengalaman atlet akan dipertingkatkan dengan mengikuti kejohanan dalam dan luar negara. Ini memberi peluang kepada atlet menimba pengalaman berharga untuk dalam menghadapi tekanan dan persaingan lebih sengit dan kuat.

Untuk akhirnya, ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada para atlet pelajar NBD atas kejayaan merangkul pingat dan mengharumkan nama negara di ASG14. Kejayaan ini bukan sahaja membuktikan kehebatan bakat dan kemampuan para atlet pelajar, tetapi juga mencerminkan disiplin, kerja keras dan semangat juang yang tidak pernah luntur.



PELANCARAN PROGRAM KE TEMBURONG BISAI EDISI BORNEO BIKE GATHERING



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan majlis pelancaran program berkenaan (kiri), manakala gambar bawah, Yang Berhormat ketika menyaksikan pameran daripada Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya.

Bangunan Kompleks Utama Bumiputera, Pekan Bangar, Daerah Temburong.

Turut hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara; Setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap; serta ketua-ketua jabatan di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Pemangku Pegawai Daerah Temburong.

Dalam ucapan alu-aluan, Penghulu Mukim Zon 1 selaku Pengerusi Bersama Program Ke Temburong Bisai Edisi Borneo Bike Gathering, Awang Arbi bin Haji Shahari, antara lain menjelaskan bahawa Program Ke Temburong Bisai Edisi Borneo Bike Gathering 2025 merupakan acara kemuncak ataupun finale bagi Program Ke Temburong Bisai bagi tahun 2025.

Katanya, antara objektif program berkenaan adalah bagi

mengumpulkan peminat-peminat motosikal dari Kepulauan Borneo serta menarik pengunjung dari dalam dan luar negara ke Daerah Temburong semasa musim percutian sekolah pada bulan Disember.

Selain itu, ia juga memberikan peluang kepada pengusaha-pengusaha dari Majlis-majlis Perundingan Kampung serta pengusaha kecil dan sederhana khususnya dari Daerah Temburong untuk menjual dan mempromosikan produk kampung masing-masing.

Program ini turut menyediakan platform bagi jabatan-jabatan kerajaan dan persatuan-persatuan untuk membarigakan serta mempromosikan perkhidmatan dan produk-produk yang disediakan dan dihasilkan oleh jabatan atau persatuan masing-masing.

Antara pengisian majlis pelancaran ialah aktiviti jualan dan pameran bersempena Program Ke Temburong Bisai Edisi Borneo Bike Gathering.

Tetamu kehormat juga menyaksikan pameran daripada Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) dan Program Kemasyarakatan Jabatan Penjara yang mengetengahkan jualan serta Produk INSAF.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kemudian membuat lawatan ke Kedai Kampung di Bangunan Kedai Rakyat Jati, Pekan Bangar.

Kedai Kampung, sebelum ini dikenali sebagai Pusat Produk Mukim dan Kampung, telah dirasmikan pada 4 Oktober 2009 dan ditadbir oleh Majlis Perundingan Kampung (MPK) Amo.

Pada 28 April 2015, tadbir urus pusat tersebut diambil alih oleh MPK Selangan, Parit dan Biar Menengah. Pada Oktober 2015, pusat tersebut diberikan nama baharu iaitu 'Kedai Kampung' dan kekal diguna pakai sehingga kini, setelah menaikkan taraf Bangunan Kedai Rakyat Jati.

Kedai Kampung kini beroperasi dengan wajah baharu dengan peningkatan ruangan serta kepelbagaian jenis jualan, termasuk produk Satu Kampung Satu Produk (1K1P), kedai runcit dan fasiliti-fasiliti lain.

Orang ramai dialu-alukan hadir bagi memeriahkan dan memeriahkan Program Ke Temburong Bisai Edisi Borneo Bike Gathering yang berlangsung selama empat hari bermula kelmarin hingga 14 Disember 2025 mulai jam 8.00 pagi, bertempat di sekitar Pekan Bangar.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

TEMBURONG, Jumaat, 12 Disember. - Bersempena musim cuti persekolahan dan Festival Disember Brunei (BDF), Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Daerah Temburong serta Persatuan-Persatuan Motosikal Negara Brunei Darussalam dengan sokongan Jabatan Daerah Temburong dan Jabatan Penjara telah mengadakan Program Ke Temburong Bisai Edisi Borneo Bike Gathering.



Rombongan terakhir Sukan SEA berlepas ke Bangkok

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 12 Disember. - Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-33 Tahun 2025 yang berlangsung di Bangkok dan Chonburi, Thailand telah bermula pada 9 sehingga 20 Disember nanti. Bagi rombongan keempat dan terakhir, kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) yang terdiri daripada pasukan renang seramai lima orang iaitu empat atlet dan seorang jurulatih berlepas ke Bangkok, Thailand, pagi tadi, bagi menyertai kejohanan tersebut. Berada di Lapangan Terbang

Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar dan seterusnya memberikan kata-kata nasihat ialah Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly, serta pegawai dan kakitangan Jabatan Belia dan Sukan, ahli Persatuan Renang Brunei Darussalam dan keluarga atlet.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Awang Shahram bin Haji Abd. Rahman, diikuti dengan ucapan nasihat kepada kontinjen NBD dan kemudian sesi bergambar ramai.

Atlet-atlet Renang negara akan mula bertanding pada 14 Disember 2025 bertempat di Swimming Pool, Sports Authority of Thailand, Bangkok.



PEMANGKU Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar serta memberikan kata-kata nasihat.

Skuad Sepak Takraw kutip pingat gangsa

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Ihsan Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan SEA Ke-33

BANGKOK, THAILAND, Rabu, 10 Disember. - Skuad Sepak Takraw negara meraih pingat pertama Negara Brunei Darussalam di Sukan SEA Ke-33 dengan pingat gangsa bersama menerusi acara Men's Hoop yang berlangsung di Stadium Perbandaran Nakhon Pathom.

Barisan pemain terdiri daripada Ak. Mohammad Hisyam Pg. Hassan, Awang Abdul Hadi Ariffin Matali, Awang Abdul Muiz Nordin, Awang Muhammad Azri Awang Abdul Harith, Awang Mohammad Hafizzuddin Jamaludin dan Awang Muhammad Abdul Marteen Haji Asdi telah mengumpul jumlah mata sebanyak 500 dalam perlawanan akhir.

Kategori tersebut dimenangi oleh pasukan Thailand dengan kutipan 880 mata selepas mengalahkan pasukan Republik Kesatuan Myanmar yang hanya mengumpul 790 mata pada perlawanan akhir untuk menentukan pemenang pingat emas dan perak.

Sementara, Skuad Sepak Takraw Negara dan pasukan Republik Filipina berkongsi tempat ketiga.

Menurut Jurulatih Sepak Takraw Kebangsaan, Awang Abdul Talib Ahmad melalui laporan harian daripada sekretariat Brunei, "Para atlet telah mencuba sedaya upaya. Terdapat peningkatan dari segi mata iaitu 500 dibanding sebelum ini hanya 480 mata. Pada masa akan datang kami akan cuba untuk mendapatkan sekurang-kurangnya 600 mata". Pasukan ini akan menumpukan perhatian kepada acara Regu.



SKUAD Sepak Takraw negara berjaya meraih pingat pertama di Sukan SEA Ke-33 dengan pingat gangsa bersama menerusi acara Men's Hoop.



BERANGKAT KE ACARA PERJUMPAAN BERSAMA ATLET, JURULATIH

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Ihsan Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan SEA Ke-33

BANGKOK, THAILAND, Rabu, 10 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, SEA Games Federation Honorary Life President dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi acara perjumpaan bersama atlet dan jurulatih.

Semasa perjumpaan tersebut,

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja

Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah berkenan mengurniakan sabda nasihat dan motivasi kepada para atlet dan jurulatih.

Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan berangkat ke tempat penginapan wushu.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, SEA Games Federation Honorary Life President dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar ramai bersama para atlet dan jurulatih di Sukan SEA Ke-33.

Berangkat menyaksikan perlawanan karate

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman
Foto : Ihsan Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan SEA Ke-33

BANGKOK, THAILAND, Khamis, 11 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, SEA Games Federation Honorary Life President dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam

berkenan berangkat menyaksikan perlawanan Karate di temasya Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-33.

Bagi acara Karate, Pasukan Kata Lelaki Negara Brunei Darussalam (NBD) menunjukkan persembahan baik dari segi teknik dan keselarasan, namun tewas dalam pusingan awal dan peringkat 'repechage'. Manakala, Pasukan Kata

Wanita tidak mara ke pusingan seterusnya, namun atlet-atlet tetap mempersembahkan teknik terbaik mereka dan bertekad untuk bangkit pada masa hadapan.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah seterusnya berkenan melawat ke tempat pertandingan dan latihan atlet Wushu.

Dalam acara lain, pasukan Sepak Takraw NBD telah memberikan tentangan sengit kepada Republik Indonesia. Ketiga-tiga regu lelaki beraksi dengan penuh semangat, di mana Regu Pertama tewas 0 - 2, Regu Kedua memberikan perlawanan menarik sebelum tewas 1 - 2, dan Regu

Ketiga berjaya meraih kemenangan penting 2 - 1, sekali gus menunjukkan peningkatan dan daya juang yang memberangsangkan.

Sementara itu, dalam acara Taekwondo Kyorugi, atlet NBD, Awang Muhammad Abrar Wa'ie bin Haji Bakar (@Muhammad Bisukri) telah tampil penuh keyakinan di peringkat suku akhir. Walaupun tewas 0 - 2 kepada atlet Republik Singapura, semangat juang dan usaha beliau sepanjang perlawanan tetap membanggakan.

Secara keseluruhan, walaupun menghadapi hasil yang tidak dijangka, semangat dan dedikasi yang dipamerkan oleh seluruh kontinjen adalah luar biasa. Setiap cabaran dijadikan pemangkin untuk memperkukuh persiapan dan azam atlet bagi pertandingan akan datang.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, SEA Games Federation Honorary Life President dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan perlawanan Karate di Sukan SEA Ke-33.

Tahukah Awda

PASUKAN Kadet Polis telah ditubuhkan pada 8 Mac 1977. Ia berpusat di Pusat Latihan Polis Jalan Aman, Muara. Penubuhan ini telah diusahakan atas kerjasama Pasukan Polis Diraja Brunei dengan Kementerian Pelajaran (ECA). Sekolah yang mula menubuhkan Pasukan Kadet Polis ialah Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI), Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SMJA), Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien (Junior). Keramaian anggota pada masa tersebut ialah 90 orang penuntut dengan keramaian empat orang guru pengawas.

SUMBER : <https://www.polis.gov.bn/>

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

MEMBACA ITU MENAMBAH ILMU PENGETAHUAN, MEMBUKA MINDA, DAN DAPAT MELATIH PEMIKIRAN KRITIS KITA